



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# SEJARAH TAHUN 5

SEKOLAH  
KEBANGSAAN

SEJARAH TAHUN 5 SK



RM13.00  
ISBN 978-983-49-2829-2  
  
9 789834 928292  
BT095001



# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)



# SEJARAH

## TAHUN 5

SEKOLAH  
KEBANGSAAN

### PENULIS

- Ahmad Hishanuddin bin Ramli
- Dr. Jayakumary a/p Marimuthu
- Hasfalila binti Hassan

### EDITOR

- Rosmiza binti Ismail
- Md Shukuri bin Hamzah
- Norfadhilah binti Mahdi

### PEREKABENTUK

- Aini binti Abd. Hamid
- Awaludin bin Mohd Arof

### ILUSTRATOR

- Rozlin Azrar bin Abd Azib
- Mohd. Sazali bin Ibrahim



Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2020



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0025

KK 959-221-0102011-49-2829-20101

ISBN 978-983-49-2829-2

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:  
Ultimate Print Sdn. Bhd.,  
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,  
off Persiaran Selangor Seksyen 15,  
40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Prof. Dr. Ishak bin Saat (Pengerusi)
  - Prof. Datin Dr. Mahani binti Musa
  - Prof. Dr. Ismail bin Ali
  - Prof. Dr. Sivamurugan a/l Pandian
  - Prof. Madya Dr. Zuliskandar bin Ramli
  - Dr. Ho Hui Ling
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istana Negara.
- Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.
- Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Sekolah Kebangsaan Seri Tronoh, Tronoh, Perak.
- Sekolah Kebangsaan Bukit Sentosa, Rawang, Selangor.
- Sekolah Kebangsaan (I) Jalan Batu Tiga, Klang, Selangor.
- Perbadanan Muzium Melaka.
- Arkib Negara Malaysia.
- Kompleks Sejarah Pasir Salak.
- Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka.
- Pengerusi Persatuan Keluarga Pahlawan Ontoros@Antenom.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Tourism Malaysia).
- Unit Penyelidikan, Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

## PENDAHULUAN

<b>Unit 1</b>	Institusi Raja Payung Negara	iv
<b>Unit 2</b>	Agama Islam di Malaysia	2
<b>Unit 3</b>	Bahasa Melayu Warisan Kita	16
<b>Unit 4</b>	Kedaulatan Negara Dicabar	30
<b>Unit 5</b>	Bangkit Berjuang Penjajah Ditentang	44
<b>Unit 6</b>	Sejarah Kemerdekaan	58
<b>Unit 7</b>	Yang di-Pertuan Agong Teras Kedaulatan Negara	74
<b>Unit 8</b>	Jata Negara	90
<b>Unit 9</b>	Bendera Kebangsaan Malaysia	108
<b>Unit 10</b>	Lagu Kebangsaan Malaysia	120
<b>Unit 11</b>	Bahasa Kebangsaan	134
<b>Unit 12</b>	Bunga Raya Bunga Kebangsaan	148

# PENDAHULUAN

Buku teks *Sejarah Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penulisan buku teks ini memberikan penekanan terhadap penerapan nilai murni, nilai sivik, elemen kewarganegaraan dan semangat patriotik. Penekanan ini perlu bagi melahirkan murid yang berdaya saing dan berwawasan serta mempunyai semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

Kandungan dalam buku teks ini disusun dengan menekankan kepelbagaiannya kaedah pembelajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiiri, kontekstual, kajian kes, kajian masa depan, pembelajaran di luar bilik darjah, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta mengaplikasikan kemahiran pembelajaran abad ke-21.

Pembelajaran sejarah akan lebih menyeronokkan dengan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan didik hibur yang membolehkan murid melahirkan pemikiran sejarah yang lebih kritis, kreatif dan inovatif. Selain itu, terdapat aktiviti yang memerlukan murid membuat kajian bagi mendapatkan maklumat. Aktiviti kajian ini bertujuan untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kepada murid dengan lebih berkesan. Murid diharap akan dapat menghayati sejarah secara empati untuk membentuk jati diri yang mantap dan memiliki pemikiran yang terbuka bagi menghayati ilmu sejarah.

Buku teks *Sejarah Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* ini merupakan kesinambungan daripada buku teks *Sejarah Tahun 4 Sekolah Kebangsaan*. Tema buku teks *Sejarah Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* ialah Kedaulatan Negara dan dibahagikan kepada empat tajuk utama, iaitu:

## Tajuk 6: Warisan Negara Kita

Tajuk ini berkaitan dengan warisan negara Malaysia yang unik dan istimewa. Negara kita mempunyai banyak warisan yang perlu dibanggakan. Antara warisan tersebut termasuklah perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti institusi raja, agama Islam dan bahasa Melayu. Warisan ini menjadi teras yang mendasari asas pembinaan negara Malaysia pada masa ini.

## Tajuk 7: Perjuangan Kemerdekaan Negara

Tajuk ini membincangkan perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu dalam usaha menentang penjajahan dan campur tangan kuasa asing di negara kita. Selain sebagai sumber motivasi dan inspirasi, menghayati serta menghargai jasa tokoh negara dapat memupuk patriotisme dan semangat kewarganegaraan yang kental dalam kalangan murid pada peringkat sekolah. Tajuk ini mengandungi topik mengenai Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing, Perjuangan Menentang Campur Tangan dan Penjajahan serta Sejarah Kemerdekaan 1957.

## Tajuk 8: Yang di-Pertuan Agong

Tajuk ini menerangkan cara pelantikan, alat kebesaran diraja dan bidang kuasa raja berperlembagaan yang bertujuan untuk menghargai institusi raja sebagai payung kepada rakyat dan negara. Tajuk ini membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan negara seterusnya memupuk penghormatan dan sanjungan kepada institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.

## Tajuk 9: Identiti Negara Kita

Tajuk ini menerangkan aspek kewarganegaraan yang dijelmakan melalui identiti kenegaraan seperti Jata Negara, Bendera Kebangsaan, Lagu Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan dan Bunga Kebangsaan. Pengetahuan dan penghayatan terhadap identiti negara ini dapat membentuk jati diri serta rasa bangga dan cinta akan negara.

Empat tajuk dalam buku teks *Sejarah Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* ini dibahagikan kepada 12 unit yang boleh berdiri sendiri sebagai satu modul. Setiap unit dalam buku ini dibincangkan mengikut standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5 (Semakan 2017). Pada akhir halaman buku teks ini, senarai rujukan yang digunakan dalam penulisan dipaparkan bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Bagi memudahkan guru dan murid menggunakan buku ini, beberapa ikon digunakan.

	<b>SINOPSIS</b> Gambaran umum tentang pembelajaran dalam sesuatu unit.
	<b>APAKAH YANG AKAN ANDA PELAJARI?</b> Elemen ini dijelmakan secara tersurat dan tersirat sama ada dalam teks, soalan atau dalam pelbagai bentuk aktiviti.
	<b>ASAS KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH</b> Murid boleh menganalisis secara kritis dan analitis terhadap sumber dan peristiwa sejarah dengan mengaplikasikan Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah, iaitu elemen asas sejarah, konsep masa, susunan dan konversi (pertukaran) masa, signifikan bukti, imaginasi dan empati, isu dan masalah masa lalu, perbandingan masa lalu dan mencari sumber.
	<b>NILAI TERAS SIVIK</b> Elemen utama nilai murni yang diterapkan kepada murid.
	<b>GLOSARI</b> Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami untuk memberikan kefahaman kepada murid.
	<b>KBAT</b> Soalan berbentuk aras tinggi diberikan untuk merangsang pemikiran murid tentang peristiwa sejarah yang berlaku.
	<b>JOM BUAT</b> Aktiviti yang merangsang daya kreativiti murid berkaitan dengan topik yang dipelajari dalam sesuatu unit.

	<b>AKTIVITI</b> Mengandungi pelbagai aktiviti berdasarkan konsep pembelajaran akses kendiri dan pembelajaran luar bilik darjah. Contohnya, <i>i-Think</i> , Jom Buat, Kajian Kes, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Abad Ke-21 serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
	<b>TAHUKAH ANDA?</b> Mengandungi maklumat tambahan bagi membantu murid memahami sesuatu perkara dengan jelas dan mendalam.
	<b>CEPAT JAWAB</b> Mengandungi soalan yang perlu dijawab oleh murid berdasarkan pemahaman terhadap peristiwa sejarah. Soalan diajukan secara ringkas dan sederhana.
	<b>STANDARD PEMBELAJARAN DAN ELEMEN KEWARGANEGARAAN</b> Petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang diperoleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu tajuk. Menyatakan kandungan pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid.
	<b>NOTA GURU</b> Membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara efisien bagi setiap unit.
	<b>KOD QR</b> Imbas kod menggunakan alat peranti untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain.
	<b>IMBAS KEMBALI</b> Terdapat pada akhir setiap unit sebagai kesimpulan bagi membantu murid mengimbas kembali topik-topik yang telah dipelajari.
	<b>FIKIR DAN JAWAB</b> Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur pemahaman murid berkenaan dengan kandungan yang telah dipelajari daripada unit tersebut.
	<b>CINTA AKAN NEGARA</b> Murid akan menilai kembali pembelajaran dalam unit dan mengaitkan dengan diri sendiri, masyarakat dan negara.
	Imbas kod atau menggunakan alat peranti untuk mendapatkan maklumat penggunaan Augmented Reality (AR) pada halaman berkenaan.

Buku teks *Sejarah Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid terhadap ilmu sejarah melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh itu, murid dapat melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai-nilai murni. Murid dapat memupuk semangat jati diri dan bangga menjadi warganegara Malaysia yang cinta akan negaranya.




# KEDAUULATAN NEGARA



BERSEKUTU

BERTAMBAH MUTU

# INSTITUSI RAJA PAYUNG NEGARA



Raja-raja Melayu bersama-sama dengan pembesar Melayu dan pegawai British di Persidangan Raja-raja Melayu (Durbar) yang pertama di Kuala Kangsar pada tahun 1897.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



## Sinopsis

Institusi raja diasaskan pada zaman Kerajaan Melayu Awal sebagai teras pemerintahan kerajaan. Institusi raja terus diwarisi dan menjadi simbol warisan negara yang dihormati dan disanjungi oleh rakyat Malaysia. Unit ini menjelaskan pengertian raja, kerajaan, konsep waadat, daulat dan derhaka. Unit ini juga membincangkan kedudukan dan peranan raja-raja Melayu serta negara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja pada masa ini.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Pengertian raja dan kerajaan.
2. Konsep waadat antara raja dengan rakyat.
3. Maksud daulat dan derhaka.
4. Kedudukan dan peranan raja-raja Melayu dahulu dan kini.
5. Negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja pada masa ini.



**NILAI TERAS SIVIK**



Hormat-menghormati



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Membuat interpretasi maksud raja, kerajaan, konsep waadat, daulat dan derhaka.
2. Meneroka bukti signifikan kedudukan dan peranan raja-raja Melayu dahulu dan kini.
3. Membuat rasionalisasi tentang negara-negara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja.



## Raja Berdaulat Tonggak Kerajaan

Raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi bagi sebuah kerajaan berdaulat. Kerajaan pula bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.

Tahukah kamu, institusi raja diwarisi sejak zaman Kerajaan Melayu Awal? Kedudukan raja terletak pada hierarki teratas dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal pada masa dahulu. Raja atau sultan ialah ketua negeri yang mentadbir rakyat dan kerajaan baginda.

Cikgu, betulkah raja menggunakan gelaran sultan selepas kedatangan agama Islam?

Betul, Shima. Hampir semua raja Melayu menggunakan gelaran sultan.

RAJA BERDAULAT TONGGAK KERAJAAN



Selepas merdeka, institusi raja terus diwarisi dan menjadi identiti negara. Kita perlu menghormati dan menghargai institusi raja sebagai warisan negara.

**Cepat Jawab**

Apakah maksud raja?



### AKTIVITI PAK-21 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)


1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, setiap kumpulan diminta mencari maklumat bergambar berkaitan dengan raja atau sultan serta kerajaan.
3. Murid membentangkan hasil dapatan.



Bimbing murid memahami maksud raja dan kerajaan.

# Payung Negeriku

Raja atau sultan berperanan sebagai ketua negeri bagi memastikan keamanan dan keharmonian dalam negeri sentiasa terjamin. Kini, terdapat sembilan buah negeri yang mengamalkan institusi raja. Ketua negeri-negeri tersebut menggunakan gelaran yang berbeza-beza.



Negeri-negeri yang mempunyai raja atau sultan.

Sebagai warisan negara, institusi raja amat penting kepada kita semua kerana menjadi asas kepada pembentukan negara pada hari ini. Kita seharusnya menyanjungi dan menghargai institusi raja dengan sepenuh hati.



## TAHUKAH ANDA?

- Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah tidak mempunyai institusi raja. Yang di-Pertua Negeri dilantik sebagai ketua negeri oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Di Negeri Sembilan, rajanya digelar sebagai Yang di-Pertuan Besar, manakala di Perlis, gelaran Raja dikenakan untuk pemerintahnya.



## AKTIVITI

Secara berkumpulan, jelaskan  
kepentingan menghargai  
institusi raja secara kreatif.



## Cepat Jawab

Nyatakan negeri yang  
mengamalkan institusi raja.



## Raja Ditaati dan Dihormati

Sikap taat setia rakyat terhadap raja telah terjalin sejak zaman dahulu lagi. Dalam buku *Sulalatus Salatin*, waadat atau perjanjian yang termeterai antara raja, iaitu Seri Teri Buana dengan rakyat, iaitu Demang Lebar Daun menjadi asas pembentukan sikap taat setia tersebut. Rakyat berjanji untuk memberikan taat setia kepada raja. Raja pula berjanji untuk memerintah rakyat dengan adil dan saksama.

“... perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum **syarak** bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.”

“Kabullah hamba akan janji **paman** itu; tetapi hamba pun minta janji juga pada paman.”  
... Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga.”

“Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku.”

“Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu.”



Lakonan gambaran konsep waadat oleh sekumpulan murid daripada buku *Sulalatus Salatin*. [Sumber: A. Samad Ahmad (peny.), 1996. *Sulalatus Salatin*. Edisi Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 25-26]

Apabila negara merdeka, konsep waadat tersebut dimaktubkan dalam prinsip kedua Rukun Negara, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Oleh itu, kita sebagai rakyat haruslah memberikan taat setia yang sepenuhnya kepada raja atau sultan.

### Glosari

**Fadihat:** Perbuatan mencela.

**Syarak:** Hukum mengikut agama Islam.

**Termeterai:** Dipersetujui.

**Nista:** Kata-kata menghina.

**Paman:** Panggilan untuk lelaki yang dihormati atau lebih tua.



Teks asal waadat dalam buku *Sulalatus Salatin*.

### TAHUKAH ANDA?

Waadat atau waad bermaksud perjanjian taat setia.

### AKTIVITI PAK-21 Main Peranan (Role Play)

- Bentukkan kumpulan seramai lima orang murid.
- Berdasarkan dialog di atas, lakonkannya secara kreatif.



- Bantu murid memahami konsep waadat.
- Bimbing murid untuk menerangkan kepentingan sikap taat setia terhadap institusi raja.



## Raja Berdaulat

Raja atau sultan merupakan ketua bagi sebuah kerajaan yang perlu ditaati dan disanjungi oleh rakyat jelata. Melalui waadat antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun, lahirlah konsep daulat dan derhaka.



### Daulat

Daulat ialah lambang kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya. Raja atau sultan yang berdaulat mempunyai kewibawaan, sifat peribadi yang unggul dan kebijaksanaan tinggi untuk memerintah.

### Derhaka

Derhaka bermaksud keingkaran rakyat terhadap titah dan perintah raja atau sultan. Rakyat yang menderhaka akan dikenakan hukuman yang setimpal.



(Sumber: Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Muhammad Yusoff bin Hashim)

Raja berdaulat memastikan keamanan dan kesejahteraan terpelihara sepanjang masa. Rakyat dapat hidup aman dan damai di bawah naungan baginda.

### TAHUKAH ANDA?



- Perkataan daulat berasal daripada perkataan Arab, iaitu “daulah”. Daulah bermaksud negeri atau kerajaan.
- Rakyat yang menderhaka dikatakan akan ditimpa tulah atau bencana.



### Cepat Jawab

Nyatakan maksud daulat.



### AKTIVITI

Scara berkumpulan, terangkan kepentingan sikap taat setia terhadap institusi raja.



6.I.3  
K6.I.7

Nota  
Guru

Bantu murid memahami konsep daulat dan derhaka.



# Perubahan pada Institusi Raja

Malaysia adalah antara negara yang mengekalkan warisan institusi raja. Sejak zaman Kerajaan Melayu Awal, institusi raja menjadi simbol kedaulatan dan kebanggaan kita. Institusi raja mengalami beberapa fasa perubahan dari semasa ke semasa.

1

## INSTITUSI RAJA PADA ZAMAN KERAJAAN MELAYU AWAL

- Raja atau sultan ialah ketua kerajaan negeri baginda.
- Raja atau sultan mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Segala dasar berkaitan dengan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan hubungan diplomatik ditentukan oleh raja atau sultan.
- Raja atau sultan dibantu oleh para pembesar untuk mentadbir kerajaan.



Diorama para pembesar sedang berbincang dengan sultan di balairung seri.

(Sumber: Kompleks Sejarah Pasir Salak)

2

## INSTITUSI RAJA PADA ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH

- Raja atau sultan dikekalkan sebagai ketua negeri.
- Raja atau sultan tidak mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja atau sultan merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Penasihat British dilantik bagi setiap negeri untuk mengurus pentadbiran negeri.



Sultan-sultan Melayu bersama-sama dengan Gabenor Negeri-negeri Selat.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



## AKTIVITI PAK-21 Kafe

1. Seperti suasana di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja.
2. Guru memberikan tajuk perbincangan, iaitu “Kepentingan Mempertahankan Kedaulatan Institusi Raja”.
3. Murid membincangkan tajuk tersebut secara berkumpulan.

3

### INSTITUSI RAJA PADA ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN

- Raja atau sultan dikenakan sebagai ketua negeri.
- Raja atau sultan tidak mempunyai **kuasa mutlak** dalam pemerintahan.
- Raja atau sultan hanya merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.
- Gabenor Jepun mengurus pentadbiran negeri-negeri Melayu.



Tentera Jepun memasuki Kota Bharu, Kelantan pada Disember 1941.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sebagai rakyat, kita seharusnya mempertahankan kedaulatan institusi raja tanpa berbelah bahagi. Kedaulatan institusi raja menjamin kemakmuran dan keamanan negara.

#### Glosari

**Majlis Eksekutif:** Organisasi yang menjalankan tugas pentadbiran.

**Jemaah Menteri:** Badan yang dianggotai oleh Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet.

**Kuasa mutlak:** Kuasa penuh atau tidak terbatas.

4



Yang di-Pertuan Agong menyampaikan titah ucapan perasmian di Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen ke-14. (Sumber: Istana Negara)

### INSTITUSI RAJA SELEPAS MERDEKA HINGGA KINI

- Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
- Kuasa raja atau sultan adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar dan dibantu oleh **Majlis Eksekutif**.
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas merdeka.
- Sembilan orang raja Melayu dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong secara bergilir.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh **Jemaah Menteri**.



#### Cepat Jawab

Siapakah yang mengurus pentadbiran negeri-negeri Melayu semasa zaman pendudukan Jepun?



#### TAHUKAH ANDA?

British kembali menjajah negara kita selepas zaman pendudukan Jepun dan meneruskan dasar yang sama.


## Institusi Raja di Dunia

Pemerintahan beraja merupakan corak pentadbiran yang tertua di dunia. Raja menjadi tonggak utama dalam sistem pemerintahan beraja. Kini, terdapat 43 buah negara di dunia termasuk Malaysia yang masih mengamalkan institusi raja.



Bendera Ratu United Kingdom

(Sumber: British High Commission, Kuala Lumpur)



Bendera Ratu Denmark

(Sumber: Sekretariat Kabinet Denmark, Denmark)



Bendera Raja Maghribi

(Sumber: Kedutaan Negara Maghribi, Kuala Lumpur)


(Sumber: Khairil Annas Jusoh, 2014. *Dustur Wa Salatin: Perlembagaan dan Para Sultan*. Shah Alam: Yayasan Penyelidikan Transformasi)



AKTIVITI PAK-21

Pembentangan Hasil Sendiri (*Self Access Learning*)

Bentangkan cara anda mempertahankan kedaulatan institusi raja kepada kelas. Pembentangan boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi TMK.



Institusi raja menjadi lambang perpaduan dan kemakmuran negara. Oleh itu, rakyat seharusnya memberikan taat setia sepenuhnya demi mempertahankan kedaulatan institusi raja.

6.1.5



Bimbang murid mengenal pasti negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja di dunia.



## JOM BUAT

### POHON ILMU BENDERA DIRAJA

penebuk lubang



#### Alatan dan Bahan



gambar bendera diraja



berus



gunting



kad manila



bekas plastik



pasir



cat air



gam



ranting

1



Warnakan bekas plastik dan masukkan pasir ke dalamnya.

2



Warnakan ranting secara kreatif dan tanamkannya ke dalam bekas berisi pasir.

3



Lekatkan gambar bendera diraja setiap negara pada kad manila.

4



Tebuk lubang pada kad manila.

5



Ikatkan tali pada kad manila. Gantungkan kad manila pada ranting.

6




Pohon ilmu bendera diraja yang sudah siap.

# IMBAS KEMBALI

1

## RAJA BERDAULAT TONGGAK KERAJAAN

Raja atau sultan ialah pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat. Kerajaan pula bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.



2

## RAJA DITAATI DAN DIHORMATI

Waadat antara Seri Teri Buana (raja) dengan Demang Lebar Daun (rakyat) menjadi asas pembentukan sikap taat setia rakyat kepada raja atau sultan.



3

## DAULAT TUANKU

Daulat merupakan lambang kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaan baginda. Mengingkari perintah raja atau sultan dianggap sebagai derhaka.



4

## PERUBAHAN PADA INSTITUSI RAJA

Semasa zaman Kerajaan Melayu Awal, raja atau sultan berkuasa mutlak. Kini, kuasa raja atau sultan adalah tertakluk kepada perlumbagaan.



5

## INSTITUSI RAJA DI DUNIA

Antara negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja di dunia termasuklah Malaysia, Thailand, United Kingdom, Maghribi dan Denmark.



Unit ini memberikan pemahaman tentang institusi raja terutama sejarah, perkembangan dan kedudukan serta peranan raja-raja Melayu di negara kita. Pengetahuan ini memupuk rasa bangga terhadap institusi raja sebagai warisan negara. Unit seterusnya akan membincangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan.



## FIKIR DAN JAWAB

A. Baca pernyataan di bawah. Jawab betul atau salah.

- 1 Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.
- 2 Institusi raja diwarisi sejak zaman Kerajaan Melayu Awal.
- 3 Yang di-Pertua Negeri dilantik oleh raja atau sultan.
- 4 Waadat dimeterai antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun.
- 5 Sultan kekal berkuasa mutlak semasa zaman pendudukan Jepun.
- 6 Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas negara merdeka.

B. Tandakan perkataan dalam kotak di bawah berdasarkan perkataan yang diberikan.

R	E	D	E	R	H	A	K	A	F	R	A
Q	R	V	S	A	I	T	W	E	T	D	B
K	A	S	U	S	H	N	A	V	I	A	R
A	J	U	L	G	Y	S	M	A	S	U	N
L	A	Y	T	Q	P	Q	A	B	T	L	J
T	C	H	A	W	S	W	O	J	M	A	I
U	C	F	N	E	R	C	Q	N	I	T	O
M	Y	K	L	B	R	I	T	I	S	H	W

DAULAT

TAAT

BRITISH

MUTLAK

DERHAKA

SULTAN

RAJA

## CINTA AKAN NEGARA



Institusi raja sebagai warisan negara dapat menjamin kesejahteraan dan kemakmuran Malaysia.



Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berlangsung di Istana Negara.  
(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

### Diri

Mengenali dan memahami institusi raja dapat menerapkan sikap taat setia.

### Masyarakat

Menghargai institusi raja dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan warganegara.

### Negara

Ketaatan terhadap kedaulatan institusi raja menguatkan semangat cinta akan negara.

UNIT

2

# AGAMA ISLAM DI MALAYSIA



## Sinopsis

Terdapat pelbagai agama dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat. Unit ini membincangkan latar belakang agama dan kepercayaan masyarakat di Tanah Melayu. Selain itu, unit ini menjelaskan sejarah kedatangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, kedudukan agama Islam dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu hingga merdeka dan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan serta peranan agama Islam untuk membentuk perpaduan.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Latar belakang agama dan kepercayaan masyarakat di Tanah Melayu.
2. Sejarah kedatangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
3. Kedudukan agama Islam dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu hingga merdeka.
4. Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.
5. Peranan agama Islam untuk membentuk perpaduan.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami susunan dan pertukaran masa berkaitan dengan agama Islam serta kepercayaan masyarakat di Tanah Melayu.
2. Meneroka bukti signifikan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu.
3. Membuat imaginasi secara visual tentang nilai sejagat dalam agama Islam yang membentuk perpaduan.



**NILAI TERAS SIVIK**



Bertanggungjawab  
Hormat-menghormati

Masjid Negara Malaysia.  
(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)




# Agama Dianuti Kepercayaan Dihormati

Masyarakat di Tanah Melayu sudah mempunyai pegangan agama dan kepercayaan sejak dahulu lagi. Antara agama dan kepercayaan tersebut termasuklah animisme, Hindu, Buddha, Islam dan Kristian.



## Animisme

- Kepercayaan terawal masyarakat di Tanah Melayu.
- Percaya kepada roh nenek moyang, makhluk halus dan semangat.



## Agama Hindu

- Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan.
- Percaya kepada kelahiran semula.



## Agama Buddha

- Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan.
- Berpegang pada "Jalan Lapan Lapis Mulia".



## Agama Islam

- Dibawa ke Tanah Melayu oleh golongan pedagang, pendakwah dan ulama.
- Wajib percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman.



## Agama Kristian

- Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis.
- Mempercayai Jesus sebagai anak Tuhan.



## AKTIVITI

Dalam kumpulan, bincangkan latar belakang agama dan kepercayaan di Tanah Melayu.





# Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Penemuan batu bersurat di negeri Terengganu dan Negeri Sembilan membuktikan kewujudan agama Islam di Tanah Melayu. Sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka agama Islam mula tersebar.

## Bukti Arkeologi Kedatangan Agama Islam di Tanah Melayu



- \* Batu bersurat bertarikh 1303 ditemukan di Sungai Teresat, Kuala Berang membuktikan kedatangan agama Islam ke Terengganu.
- \* Batu bersurat ditemukan di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan, bertarikh 1467 membuktikan kewujudan agama Islam di Negeri Sembilan.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. "Sejarah Tulisan Jawi melalui Kajian Arkeologi di Alam Melayu" dlm. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 22, 2009)



### Cepat Jawab

Namakan lokasi dua batu bersurat yang membuktikan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu.



Mengapakah kita perlu memelihara sumber arkeologi seperti batu bersurat?



Nota Guru Bimbing murid memahami kepentingan memelihara sumber arkeologi.



### TAHUKAH ANDA?

Batu bersurat juga dikenali sebagai prasasti. Perkataan prasasti berasal daripada bahasa Sanskrit.

Pada awal abad ke-15, Melaka muncul sebagai pusat perdagangan **maritim** yang terkenal. Pelabuhan Melaka menjadi pelabuhan **entrepot** dan merupakan destinasi persinggahan pedagang Islam dan pedagang bukan Islam. Kedatangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka didorong oleh beberapa faktor.

## Faktor Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

### Peranan Pedagang Islam

Pedagang Islam dari negara Arab dan India menyebarkan agama Islam melalui kegiatan dakwah. Terdapat pedagang yang berkahwin dengan rakyat Melaka dan menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan.

### Peranan Ulama

Menurut *Hikayat Raja-raja Pasai*, agama Islam disebarluaskan di Melaka oleh ulama dari Mekah yang bernama Syeikh Abdul Aziz. Ulama ini mengislamkan raja, pembesar dan rakyat Melaka.

### Peranan Sultan

Perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan puteri raja Pasai menyebabkan baginda memeluk agama Islam. Apabila baginda memeluk agama Islam, rakyat Melaka turut memeluk agama Islam.

### Glosari

**Maritim:** Terletak di atau berdekatan dengan laut.


**Entrepot:** Tempat yang menjadi pusat penerimaan barang dagangan dari negara luar dan kemudian barang dagangan itu dihantar ke negara lain pula.




Ilustrasi pedagang dan ulama sedang solat sebaik-baik sahaja tiba di Melaka semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.  
(Sumber: Muzium Sejarah dan Etnografi, Melaka)

Peranan sultan, golongan pedagang dan ulama penting dalam penyebaran agama Islam semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Perundangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka turut mengandungi hukum Islam. Terdapat dua sumber perundangan di Melaka, iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.



*Hukum Kanun Melaka*



*Undang-undang Laut Melaka*

(Sumber: Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)

### ***Hukum Kanun Melaka***

Undang-undang ini mengandungi 44 fasal yang berkaitan dengan hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar.

Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.

Undang-undang ini mewujudkan keamanan dan keselamatan rakyat di negeri Melaka.

### ***Undang-undang Laut Melaka***

Undang-undang ini mengandungi 25 fasal yang berkaitan dengan peraturan di laut, tatacara bermiaga dan berjual beli.

Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah.

Undang-undang ini melancarkan aktiviti perdagangan dan memberikan keyakinan kepada pedagang yang datang ke Melaka.

[Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 1980. "Islam dalam Sejarah Perundungan Melaka di Abad Ke-15/16" dlm. Khoo Kay Kim (peny.) *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia]

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu dibuktikan dengan penemuan arkeologi. Perkembangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pula membawa perubahan dari pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti sistem beraja, perundangan dan pendidikan.



### **Cepat Jawab**

Nyatakan dua sumber perundangan yang terdapat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

6.2.2



Bimbang murid memahami perbezaan antara *Hukum Kanun Melaka* dengan *Undang-undang Laut Melaka*.



## Agama Islam dalam Pentadbiran

Pada abad ke-15, agama Islam memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri. *Hukum Kanun Melaka* menjadi rujukan dalam pentadbiran semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka dan dijadikan rujukan kepada penggubalan undang-undang di negeri-negeri Melayu yang lain seperti *Hukum Kanun Pahang* dan *Undang-undang 99 Perak*.

### *Hukum Kanun Pahang*



### *Undang-undang 99 Perak*



(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Undang-undang digubal untuk mengawal kehidupan manusia. Warganegara yang mematuhi undang-undang dapat menjamin keharmonian negara.



Bagaimakah undang-undang dapat melahirkan masyarakat yang harmoni?

## Semasa Zaman Penjajahan

Semasa zaman penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka, undang-undang Islam boleh diamalkan. Namun begitu, semasa penjajahan British dan pendudukan Jepun, pelaksanaan undang-undang Islam dihadkan di negeri-negeri Melayu.

### Zaman Penjajahan British

- \* Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.
- \* Undang-undang Islam hanya digunakan dalam hal berkaitan dengan kekeluargaan, harta pusaka dan zakat.

### Zaman Pendudukan Jepun

- \* Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.
- \* Jepun mewujudkan Majlis Agama Islam yang bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam.

Selepas pendudukan Jepun, British kembali menjajah Tanah Melayu dan undang-undang Islam terus dilaksanakan. Walaupun kuasa asing datang silih berganti, namun apabila negara mencapai kemerdekaan, kedudukan agama Islam terus kukuh dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.



#### Cepat Jawab

Nyatakan peranan sultan pada zaman penjajahan British.



Mengapakah undang-undang Islam tidak digunakan sepenuhnya semasa zaman penjajahan British?

6.2.3




Bimbing murid memahami peranan agama Islam dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu hingga merdeka.



# Agama Persekutuan Malaysia

Malaysia mempunyai identiti tersendiri dengan kewujudan pelbagai agama dan kepercayaan. Kepelbagaian ini menjadikan Malaysia kaya dengan adat, budaya dan warisan. Namun demikian, agama Islam ialah agama Persekutuan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.



Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghormati agama dan kepercayaan semua kaum agar perpaduan negara kekal terpelihara.



## Cepat Jawab

Apakah agama Persekutuan Malaysia?



## TAHUKAH ANDA?

Pesta Kaamatan merupakan perayaan khas sebagai tanda kesyukuran kepada semangat padi.



Apakah kepentingan menghormati agama Islam sebagai agama Persekutuan?





# Islam dan Perpaduan Masyarakat

Setiap agama menuntut umatnya mengamalkan nilai hidup yang baik. Larangan terhadap perbuatan yang tidak baik juga ditetapkan dalam setiap agama. Islam menuntut umatnya mengamalkan nilai sejahtera dan nilai kemanusiaan untuk membentuk perpaduan demi menjamin kesejahteraan masyarakat.

## Toleransi

- Bekerjasama dalam pelbagai urusan pekerjaan.
- Menghormati tempat ibadat.
- Tiada paksaan dalam beragama.



## Kasih sayang

- Mengasihi dan mengasihani orang lain walaupun berbeza agama.
- Membantu mereka yang memerlukan.



## Nilai Sejagat dalam Agama Membentuk Perpaduan

## Kesederhanaan

- Bersederhana dari pelbagai aspek kehidupan seperti berbelanja, bercakap dan berpakaian.



## Perdamaian

- Bermesyuarat untuk mendapatkan keputusan ramai.
- Tidak menjadi pencetus pergaduhan.



## AKTIVITI

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu berbincang dan menyenaraikan nilai keagamaan yang boleh diamalkan untuk membentuk masyarakat harmoni.
3. Bentangkan hasil dapatan anda.



Bimbing murid memahami nilai sejahtera dalam agama untuk aktiviti.

## Hubungan Manusia dengan Manusia

Berbaik sangka dan saling menghormati sesama manusia.



## Hubungan Manusia dengan Tuhan

Mengamalkan ajaran dan meninggalkan larangan yang dituntut agama.



Nilai  
Kemanusiaan  
Menjamin  
Kesejahteraan

## Hubungan Manusia dengan Alam Sekitar

Memelihara, memulihara dan mengindahkan alam sekitar.



(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)

Nilai sejagat dan nilai kemanusiaan dalam agama penting untuk mewujudkan keharmonian. Nilai-nilai yang baik ini perlu diamalkan untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu.



Video lagu  
Sejahtera  
Malaysia.



### Cepat Jawab

Nyatakan cara anda menjaga alam sekitar.



### AKTIVITI PAK-21

#### Penulisan Pantas (*Rocket Writing*)

Dalam masa lima minit, catatkan nilai yang ada pada diri anda bagi mewujudkan perpaduan di sekolah.

## Agama Dianuti Kepercayaan Dihormati

- ❖ Animisme      ❖ Islam
- ❖ Hindu          ❖ Kristian
- ❖ Buddha



### Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

#### Bukti Arkeologi

- ❖ Batu Bersurat

#### Faktor Kedatangan

- ❖ Peranan pedagang Islam
- ❖ Peranan ulama
- ❖ Peranan sultan


### Agama Islam dalam Pentadbiran

- ❖ Hukum Kanun Melaka
- ❖ Undang-undang Laut Melaka

### Agama Islam dalam Pentadbiran

#### Semasa Zaman Penjajahan:

- ❖ Penjajahan British
- ❖ Pendudukan Jepun



### Agama Persekutuan Malaysia

Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, agama Islam ialah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan.

### Islam dan Perpaduan Masyarakat

- |                 |  |
|-----------------|--|
| ❖ Toleransi     | ❖ Hubungan manusia dengan Tuhan        |
| ❖ Kesederhanaan | ❖ Hubungan manusia dengan manusia      |
| ❖ Kasih sayang  | ❖ Hubungan manusia dengan alam sekitar |
| ❖ Perdamaian    |  |



Unit ini memberikan pemahaman tentang perkembangan dan nilai agama Islam yang membentuk perpaduan di Malaysia. Unit seterusnya akan membincangkan sejarah dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa warisan negara.



## FIKIR DAN JAWAB

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

agama Islam

Majlis Agama Islam

Animisme

Hukum Kanun  
Melaka

memelihara dan  
memulihara alam sekitar

kasih sayang

pedagang

Batu Bersurat  
Terengganu

- 1 \_\_\_\_\_ membuktikan kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu.
- 2 Agama Persekutuan bagi negara kita ialah \_\_\_\_\_.
- 3 Semasa pendudukan Jepun, \_\_\_\_\_ telah ditubuhkan.
- 4 \_\_\_\_\_ merupakan sumber perundangan di Melaka.
- 5 Golongan \_\_\_\_\_ membawa agama Islam ke Melaka.
- 6 \_\_\_\_\_ ialah kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai roh atau semangat.
- 7 Hubungan manusia dengan alam sekitar dapat ditunjukkan dengan \_\_\_\_\_.
- 8 Seseorang yang mengasihi dan mengasihani orang lain walaupun berlainan agama menunjukkan individu tersebut mempunyai nilai \_\_\_\_\_ yang tinggi.

## CINTA AKAN NEGARA



Agama Islam telah bertapak di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Keharmonian masyarakat kekal terpelihara kerana wujud persefahaman dan nilai hormat-menghormati dalam amalan beragama.



Perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai dengan amalan menghormati agama dan kepercayaan kaum lain yang terdapat di Malaysia.

(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)

**Diri**  
Nilai agama dalam diri penting untuk membentuk sahsiah yang cemerlang.

**Masyarakat**  
Masyarakat haruslah saling memahami dan menghormati agama dan kepercayaan kaum lain bagi menjamin kesejahteraan bersama.

**Negara**  
Keharmonian negara mudah dicapai dengan mengamalkan toleransi, kasih sayang dan persefahaman antara kaum.

WE ❤ SKBS  
SK BUKIT SENTOSA TRANSFOR

29  
KPM

UNIT

3

# BAHASA MELAYU WARISAN KITA



## Sinopsis

Bahasa Melayu perlu dipelajari bagi memberikan pemahaman berkenaan dengan sejarah dan peranannya dalam kehidupan masyarakat pada masa dahulu dan kini. Pelbagai usaha dan langkah telah dilakukan untuk mengekalkan warisan negara kita ini. Unit ini membincangkan susur galur bahasa Melayu, wilayah penutur bahasa Melayu di dunia serta menjelaskan peranan bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini.



Masa ia tidor datang beberapa ekor burong tempua ka-sarang-nya. Burong tempua itu nampak Yusof sedang tidor. Ia pun berbunyi di atas pokok itu. Mendengar bising itu Yusof pun terjaga. Yusof mendongak ka-atas di-lihat-nya ada banyak burong-burong tempua.

Yusof perhatikan burong-burong itu. Ia lihat ada sa-ekor yang menjadi ketua-nya. Burong-burong tempua yang lain mengikut perentah ketua-nya itu. Burong-burong itu mengambil daun-daun lalang untuk membetulkan sarang masing-masing.

Ejaan lama bahasa Melayu yang digunakan dalam buku *Burong Tempua dengan Budak Malas*.

(Sumber: *Burong Tempua dengan Budak Malas*, 1971.  
Johor: Pustaka Pendidekan Sdn. Bhd.)



### NILAI TERAS SIVIK



Hormat-menghormati  
Bertanggungjawab

### Apakah yang akan anda pelajari?

1. Susur galur bahasa Melayu.
2. Wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.
3. Peranan bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini.



### Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami susunan dan pertukaran masa dalam sejarah serta peranan bahasa Melayu.
2. Memahami isu dan masalah masa lalu bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai warisan negara yang dibanggakan.
3. Menerangkan perubahan dan kesinambungan berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta bahasa perpaduan.



# Susur Galur Bahasa Melayu

Bahasa ialah alat perhubungan manusia. Bahasa Melayu berasal daripada **filum** yang disebut Austrik. Daripada filum ini lahirnya **rumpun** Austronesia. Bahasa Melayu merupakan antara ribuan bahasa yang berbeza dan dipertuturkan di Alam Melayu. Bahasa Melayu yang terkenal di dunia bersifat terbuka dan mudah menerima unsur luar menjadikannya sebagai bahasa yang terus berkembang.



Ringkasan Susur Galur  
Bahasa Melayu

Bahasa Melayu

Rumpun - Austronesia

Filum - Austrik

## Glosari

**Filum:** Kelompok bahasa induk yang berusia 5000 tahun ke atas.

**Rumpun:** Kelompok bahasa yang berusia 2500–5000 tahun ke atas.

Peta tanah asal bahasa Melayu.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



## Cepat Jawab

Nyatakan rumpun asal bahasa Melayu.

Bahasa Melayu sebagai warisan negara harus dikekalkan kerana mencerminkan identiti sebuah negara bangsa. Tamadun sesuatu negara biasanya dapat dilihat pada warisan seni budaya yang mencakupi bahasa, amalan dan cara hidup pelbagai kaum. Warisan negara juga perlu dikekalkan demi kesinambungan budaya.

### Bahasa Melayu Warisan Negara

Bahasa Melayu sanjungan kita,  
Usah cemarkan keindahannya,  
Gunakanlah dengan bijaksana,  
Santun bahasa sama dijaga.

Puisi Melayu tiada kurangnya,  
Jadi penyeri hari bahagia,  
Kita alunkan warisan budaya,  
Lambang kebanggaan kita semua.

Cintailah bahasa kita,  
Bahasa Melayu warisan bangsa,  
Usahlah malu menuturkannya,  
Martabatkan bahasa setiap masa.

Bahasa Melayu warisan kita,  
Ayuh semua menuturkannya,  
Bahasa juga menyatukan kita,  
Aman negara tiada sengketa.



Syair Bahasa Melayu  
Warisan Negara.



### AKTIVITI

- Alunkan syair di atas dengan intonasi yang betul.
- Fahami maksud syair tersebut.
- Bina syair anda sendiri bertemakan “Bahasa Melayu Warisan Negara”.
- Alunkan syair anda.

6.3.1  
K6.3.4

Nota  
Guru

- Bimbing murid mengalunkan syair dengan intonasi yang betul.
- Bantu murid membina syair sendiri. Murid juga boleh membina pelbagai puisi yang lain seperti sajak atau pantun.

Mempelajari susur galur bahasa Melayu menyedarkan kita bahawa bahasa Melayu merupakan warisan negara yang perlu dibanggakan.




Terangkan kepentingan bahasa Melayu sebagai warisan negara.



## Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu

Bahasa Melayu menjadi khazanah yang diwarisi dan terkenal semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penggunaan bahasa Melayu tersebar di seluruh dunia dan digunakan sebagai bahasa *lingua franca*. Peta di bawah menunjukkan antara taburan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.



Antara taburan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015.  
Ensiklopedia Bahasa Melayu. Kuala Lumpur:  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

### Glosari

**Lingua Franca:** Bahasa perantaraan atau perhubungan antara masyarakat.



Francois Valentijn, (1726) seorang penulis Belanda telah merekodkan:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai satu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah atau sebagai bahasa lingua-franca di Itali ... bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina. Dan jika sekiranya awak tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur.”

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



### Cepat Jawab

Sebutkan dua buah wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.

6.3.2



Bimbang murid mengenal pasti wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.

## Persamaan dalam Sebutan

Penyebaran bahasa Melayu sangat meluas. Kedatangan pengaruh luar memperkaya perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Pada hari ini, bahasa Melayu mempunyai kosa kata daripada bahasa Sanskrit, Arab, Portugis, Belanda, Inggeris, Cina dan Tamil.

Pengaruh bahasa luar		Bahasa Melayu moden
Sanskrit	nagara	negara
	rajha	raja
	putra	putera
Arab	sholat	solat
	ustaz	ustaz
	aqal	akal
Portugis	camisa	kemeja
	veradha	beranda
	janela	jendela
Belanda	laatje	laci
	balkon	balkoni
	hospital	hospital
Inggeris	clinic	klinik
	doctor	doktor
	cawan	cawan
Cina	laici	laici
	kappal	kapal
Tamil	ayyaa	ayah

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Bahasa Melayu sangat terkenal pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan digunakan secara meluas di serata dunia.



Apakah kepentingan mengekalkan penggunaan bahasa ibunda?





## Peranan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam membangunkan negara. Selain menjadi bahasa rasmi dan bahasa perpaduan, bahasa Melayu juga digunakan sebagai bahasa pendidikan, pentadbiran, perundangan, ekonomi, perhubungan serta bahasa persuratan. Hingga kini, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar terus digunakan dalam bidang tersebut dan menjadi salah satu warisan kebanggaan negara.



### Cepat Jawab

Senaraikan peranan bahasa Melayu.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

6.3.3



Bimbang murid memahami peranan bahasa Melayu.



## Bahasa Pentadbiran

### Bahasa Pendidikan

#### Dahulu

Bahasa Melayu merupakan bahasa akademik bagi menyampaikan sesuatu ilmu. Golongan ulama menyampaikan ilmu agama kepada raja-raja Melayu di istana dengan menggunakan bahasa Melayu.

#### Kini

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar bagi menyampaikan ilmu dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta institusi pengajian tinggi.

### Bahasa Perundangan

#### Dahulu

Bahasa Melayu digunakan dalam naskhah *Hukum Kanun Melaka* yang merupakan panduan undang-undang dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

#### Kini

Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam sistem perundangan negara.

#### Dahulu

Bahasa Melayu digunakan dalam sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

#### Kini

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan.

### Peranan Bahasa Melayu pada Masa Dahulu dan Kini

Nyatakan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.



#### Cepat Jawab

Nyatakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran.

## Bahasa Ekonomi

### Dahulu

Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang memudahkan urusan jual beli di pelabuhan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

### Kini

Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam urusan jual beli di negara kita.

## Bahasa Persuratan

### Dahulu

Banyak hasil karya agung menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan.

### Kini

Bahasa Melayu menjadi bahasa persuratan yang diiktiraf dunia melalui hasil-hasil karyawan negara.

### Dahulu

Bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar. Contohnya, surat Sultan Kelantan kepada William Duff.

### Kini

Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perhubungan antara masyarakat dan serantau.



Bahasa Melayu di persada dunia.

### AKTIVITI

Dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai, bandingkan peranan bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

6.3.3  
K6.3.6

Nota  
Guru

Bimbing murid memahami peranan bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini.



## Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita. Kedudukannya dimantapkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Kepentingannya sebagai bahasa rasmi menjadi medium dalam urusan pentadbiran harian. Namun begitu, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain dalam urusan harian mereka.



Penggunaan bahasa Melayu di pejabat kerajaan.

## Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan



Program pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang menyatukan rakyat berbilang kaum. Bahasa Melayu sangat mudah difahami dan menjadi medium utama untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Aktiviti seperti minggu bahasa kebangsaan, pertandingan deklamasi sajak, berbalas pantun, syarahan dan pidato antara murid berbilang kaum boleh memupuk perpaduan. Aktiviti ini secara tidak langsung menyatukan bangsa melalui bahasa.



### AKTIVITI

Secara berkumpulan, senaraikan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di negara kita.

Peranan bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini sangat luas. Penggunaannya sentiasa mengikuti peredaran zaman. Bahasa Melayu merupakan warisan negara yang perlu dihormati.





## Bahasa Melayu Warisan Negara

### Peranan Bahasa Melayu pada Masa Dahulu dan Kini

- Bahasa rasmi
- Bahasa perpaduan
- Bahasa pendidikan
- Bahasa pentadbiran
- Bahasa perundangan
- Bahasa ekonomi
- Bahasa perhubungan
- Bahasa persuratan




### Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu


- Malaysia
- Indonesia
- Selatan Thailand
- Filipina
- Brunei
- Singapura

- Kemboja
- Vietnam (Melayu Champa)
- Afrika Selatan
- Sri Lanka
- Pulau Cocos
- Taiwan
- Madagaskar
- New Zealand
- Pulau Easter
- Arab Saudi
- Pulau Krismas
- Australia Barat

### Ringkasan Susur Galur Bahasa Melayu



Unit ini memberikan pemahaman tentang susur galur dan taburan wilayah penutur bahasa Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Unit seterusnya akan membincangkan perjuangan kemerdekaan negara.





## FIKIR DAN JAWAB

Lengkapkan pernyataan di bawah dan bulatkan jawapan di dalam kotak.

### Melintang

- 1 Bahasa Melayu dikatakan berasal daripada rumpun \_\_\_\_\_.
- 2 Bahasa Melayu merupakan \_\_\_\_\_ negara yang perlu dibanggakan.
- 3 \_\_\_\_\_ adalah antara wilayah penutur bahasa Melayu.
- 4 *Lingua franca* ialah bahasa \_\_\_\_\_ antara masyarakat yang berlainan bahasa.

### Menegak

- 1 Bahasa Melayu berperanan sebagai simbol \_\_\_\_\_ di negara kita.
- 2 Bahasa \_\_\_\_\_ ialah salah satu bahasa yang mempengaruhi bahasa Melayu.
- 3 Banyak hasil karya agung menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa \_\_\_\_\_.
- 4 Bahasa Melayu digunakan dalam *Hukum Kanun Melaka* yang merupakan \_\_\_\_\_ undang-undang dalam sistem pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

R	S	S	P	K	Y	P	E	R	A	N	T	A	R	A	A	N
I	H	A	E	E	G	E	H	A	F	B	E	Y	D	I	N	T
T	N	A	U	B	R	R	G	R	C	P	O	N	D	T	P	G
B	U	H	J	K	I	S	U	E	K	E	M	B	O	J	A	N
E	D	A	A	K	S	U	T	E	R	R	A	C	O	O	N	R
L	D	X	L	T	T	R	D	G	K	P	W	I	D	N	D	H
A	W	A	R	I	S	A	N	T	F	A	T	F	K	O	U	K
N	N	R	G	W	N	T	B	Q	L	D	D	M	N	B	A	O
D	G	I	H	A	A	A	H	E	O	U	U	G	I	P	N	M
A	U	S	T	R	O	N	E	S	I	A	P	O	J	O	I	K
L	N	A	D	F	A	N	A	H	I	N	A	K	A	L	O	N
O	I	N	G	B	H	U	K	V	M	K	L	N	U	N	T	R



# CINTA AKAN NEGARA



Mengetahui susur galur dan peranan bahasa Melayu mendorong kita supaya sentiasa berusaha, bersedia dan berani menghadapi cabaran.

## WARTA MELAYU

YA-JITU-LAH AKHBAR YANG DI-KELUARKAN  
DENGAN KEHENDAK KERAJAAN-KERAJAAN MELAYU YANG  
BERSAKUTU.

No. 9.

30 SEPT., 1904.

JILID I

### JAWATAN-JAWATAN

#### NEGRIS-NEGRI YANG BERSAKUTU.

Tuan Sir WILLIAM H. TREACHER, K.C.M.G., telah mendapat chuti lame-nya 3 bulan 19 hari.

Tuan W. T. TAYLOR, C.M.G., memangku jawatan Resident General.

Tuan A. E. Byrne memangku jawatan Architectural Assistant di-Kuala Lumpur.

Tuan Képal Mérinya Mata-mata J. L. Hennessy telah mendapat chuti lame-nya 2 bulan 18 hari.

Tuan C. Warnes, Mérinya Mata-mata, telah meninggalkan jawatan-nya ia-itu dengan kehendaknya siriñdiri.

Tuan T. M. de la Couronne telah meninggalkan jawatan-nya Mérinya Mata-mata ia-itu dengan kehendak Kerajaan.

Tuan J. McDonough telah di-judikan Mérinya Mata-mata.

Tuan J. F. F. Stokes menjadi Assistant Surveyor didalam pkerjaan menyukut jalan kretas api di-negri Johor.

## Bahasa Melayu mesti dimartabat

Penggunaan di IPT, sekolah perlu dipertahankan

Oleh Mohamed Farid Noh

laysif, Dr Ali Mahmud, ketua pengajar Bahasa Melayu Dalam Perspektif Asia rabusang 2008 yang berakhir semalam, menulis resensi supaya dalam mendidik kebangsaan memerlukan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibu. Selain itu, dia juga mengatakan bahawa institut dan institusi pengajian tinggi (IPT) negara

Persidangan yang disertai oleh ahli-pelajar bahasa Melayu dari 10 negara, termasuk Amerika Syarikat, Rusia, India, Pakistan, Australia, Jepun, Korea Selatan, United Kingdom, Singapura serta Brunei berjaya dilaksanakan pada 10 Julai lalu. Pelajaran ini menjadi contoh pentingnya Bahasa Melayu dalam pelbagai bidang terus tumbuh dan berkembang.

Ketua Jabatan Bahasa Kampus Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) Razali Ismail, berkata penggunaan bahasa Melayu dalam persidangan ini me- banyak pandangan pelbagai pihak mengenai PPS-M. Keputusan akan dicapai apabila kita pertimbangkan maklis penturut persidangan serta penilaian, terutama melalui persidangan antara pelajar dan Timbalan Menteri Pejabat. Dari Razali Ismail, "Persidangan ini merupakan suatu mengkaji perkembangan, penyebaran dan penggunaan bahasa Melayu di seluruh dunia. Sementara itu, Razali ketua jabatan bahasa ini mengatakan persidangan itu berjaya, kepentingannya memang ber-sedan mendengar pelbagai maklumat tentang pengembangan cakera ilmiah, pokar akademik membabitkan pelajar dan ahli-pelajar dalam pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPS-M)."

"Penggunaan bahasa Melayu dalam persidangan disebabkan dalam negara supaya penggunaannya lebih meluas di kalangan pelajar lapisan pelajar yang tidak dikenali dengan anormat dan tidak dipandang rendah."

"Hasil persidangan mempunyai penggunaan bahasa Melayu dalam persidangan ini adalah untuk memberi maklum balas dan tidak di-

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

### Diri

Mengetahui susur galur bahasa Melayu akan lebih memantapkan jati diri dalam kehidupan harian.

### Negara

Bahasa Melayu sebagai warisan negara dapat mewujudkan negara yang bersatu dan maju.

### Masyarakat

Masyarakat yang berilmu dapat mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan.


43  
KPM

UNIT  
4

# KEDAULATAN NEGARA DICABAR

## Sinopsis

Zaman penjajahan perlu dipelajari untuk mengetahui sejarah negara dengan lebih mendalam. Campur tangan dan penjajahan kuasa asing membawa banyak perubahan terhadap negara kita. Unit ini membincangkan maksud naungan, campur tangan dan penjajahan, senarai kuasa asing, faktor kedatangan serta kesan campur tangan dan penjajahan di negara kita.



NILAI TERAS SIVIK

Bertanggungjawab



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Istilah naungan, campur tangan dan penjajahan.
2. Kuasa asing yang campur tangan dan menjajah di negara kita.
3. Faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita.
4. Kesan campur tangan dan penjajahan kuasa asing terhadap pentadbiran, sosial dan ekonomi.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi sejarah kedatangan kuasa asing ke negara kita.
2. Meneroka bukti kedatangan kuasa asing ke negara kita.
3. Melihat sebab dan akibat daripada kedatangan kuasa asing ke negara kita.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia dan Kompleks Sejarah Pasir Salak)



## Kuasa Asing di Tanah Airku

Negara kita pernah dijajah dan diduduki oleh beberapa kuasa asing pada suatu ketika dahulu. Kuasa asing berminat dengan negara kita kerana mempunyai kedudukan geografi yang strategik dan kekayaan hasil bumi serta sumber alam. Kuasa asing menggunakan beberapa strategi seperti naungan, campur tangan dan penjajahan untuk mencapai matlamat masing-masing.

### Naungan

- ★ Naungan bermaksud perlindungan yang diberikan oleh kuasa asing kepada sebuah wilayah atau negeri.
- ★ Negeri naungan menghantar **ufti** sebagai tanda persahabatan dan menjamin keselamatan.
- ★ Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu ialah negeri naungan Siam sehingga awal abad ke-20.



#### TAHUKAH ANDA?

**Bunga Mas** dihantar sebagai ufti kepada pemerintah Siam setiap tiga tahun.



#### Cepat Jawab

Nyatakan negeri naungan Siam sehingga awal abad ke-20.



Replika Bunga Mas.  
(Sumber: Muzium Kota Kayang, Perlis)

#### Glosari

**Ufti:** Pemberian berbentuk wang, bunga mas dan persalinan oleh negara kecil kepada kuasa besar sebagai tanda mengakui kekuasaannya.

**Bunga Mas:** Sepohon pokok bunga yang diperbuat daripada emas dan perak.

## Campur Tangan

- ★ Campur tangan bermaksud kuasa asing mencampuri hal ehwal pentadbiran negeri secara langsung.
- ★ Residen British dilantik untuk membantu pemerintah tempatan mengurus pentadbiran.
- ★ Campur tangan di Tanah Melayu bermula di Perak oleh British melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.

## Penjajahan

- ★ Penjajahan bermaksud kuasa asing menjadikan sesebuah negeri sebagai wilayah taklukan.
- ★ Kuasa asing menguasai dan mengawal negeri taklukan untuk kepentingan politik, ekonomi dan sosial.
- ★ Penjajahan pertama oleh Portugis di Melaka, James Brooke di Sarawak dan North Borneo Chartered Company atau Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.




Nyatakan tiga cara untuk mengelakkan campur tangan kuasa asing.

Kedaulatan negara tergugat akibat campur tangan dan penjajahan kuasa asing. Banyak perubahan dilakukan oleh kuasa asing untuk kepentingan mereka.

### AKTIVITI PAK-21

#### Peta Pemikiran (*Thinking Map*)

- I. Berdasarkan maklumat berkaitan dengan naungan, campur tangan dan penjajahan, lengkapkan Peta Pokok (*Tree Map*) di sebelah.
2. Salin peta tersebut dalam buku latihan anda.



7.I.I



- Bimbing murid memahami maksud naungan, campur tangan dan penjajahan.
- Bimbing murid melengkapkan peta pemikiran.






# Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing

Negara kita telah didatangi oleh kuasa asing yang bertujuan untuk campur tangan dan menjajah. Kuasa-kuasa asing tersebut ialah Siam, Portugis, Belanda, British, Jepun, keluarga Brooke dan Syarikat Borneo Utara British.


## Siam

- \* Siam menaungi Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.
- \* Siam menghadapi masalah untuk mentadbir negeri-negeri tersebut.
- \* Pada tahun 1909, semua negeri tersebut diserahkan kepada British melalui Perjanjian Bangkok.



Kota Kuala Kedah.

(Sumber: Koleksi peribadi Timothy Tye)



Kota A Famosa di Melaka.

(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)

## Portugis (1511)

- \* Pada tahun 1511, Portugis menyerang dan menjajah Melaka.
- \* Sultan Melaka cuba merampas kembali Melaka tetapi gagal.
- \* Portugis kalah kepada Belanda pada tahun 1641.



Bangunan Stadthuys di Melaka.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Sultan-sultan Melayu bersama-sama dengan pegawai British. (Sumber: Arkib Negara Malaysia)

## British (1786, 1824, 1826 dan 1874)

- \* Pada tahun 1786, British menduduki Pulau Pinang.
- \* Pada tahun 1824, Melaka diserahkan kepada British oleh Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda.
- \* Pada tahun 1826, British membentuk Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.
- \* Pada tahun 1874, British campur tangan di Perak dan meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu hingga Perang Dunia Kedua.



### Cepat Jawab

Kuasa manakah yang mengalahkan Portugis di Melaka?




Apakah yang akan berlaku jika negara kita dijajah semula?



James Brooke sewaktu muda.  
(Sumber: Jabatan Muzium Sarawak)

### James Brooke dan Keluarga Brooke (1841) ►

- \* James Brooke menguasai Sarawak pada tahun 1841.
- \* James Brooke menggunakan gelaran "Rajah Putih".
- \* Selepas kematian beliau, Sarawak terus diperintah oleh keluarga Brooke hingga tahun 1946.



Lembaga Pengarah SBUB.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Tentera British menyerah kalah kepada tentera Jepun pada tahun 1942.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

### British (1945, 1946) ►

- \* British kembali menjajah Tanah Melayu pada tahun 1945 hingga tahun 1957.
- \* Pada tahun 1946, keluarga Brooke dan SBUB menyerahkan Sarawak dan Sabah kepada British.
- \* British menguasai Sarawak dan Sabah hingga tahun 1963.



Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Kedatangan kuasa asing menjelaskan kedaulatan negara kita. Oleh itu, kita sebagai rakyat perlu mempertahankan negara agar keamanan sentiasa terjamin.



#### TAHUKAH ANDA?

Perang Dunia Kedua bermula pada tahun 1939 dan berakhir pada tahun 1945.



#### AKTIVITI PAK-21

##### Peta Pemikiran (*Thinking Map*)

1. Melalui pelbagai sumber, dapatkan maklumat tentang pentingnya jati diri dalam kalangan murid.
2. Dengan menggunakan aplikasi TMK, bina peta pemikiran yang sesuai.
3. Bentangkan.



# Bumi Bertuah Menjadi Rebutan

Keunikan negara kita seperti kedudukan yang strategik dan kekayaan hasil bumi serta sumber alam menyebabkan kuasa asing bersaing untuk campur tangan dan menjajah demi kepentingan mereka. Selain itu, faktor penyebaran agama, perkembangan Revolusi Perindustrian dan kemasyhuran mendorong minat kuasa asing terhadap negara kita.

## Faktor Kedatangan Kuasa Asing

### Kedudukan Strategik


- ❖ Kedudukan Melaka di laluan jalan perdagangan timur dan barat.
- ❖ Melaka muncul sebagai pelabuhan persinggahan yang penting.
- ❖ Portugis dan Belanda berminat menguasai Melaka untuk mengawal perdagangan rempah di Kepulauan Melayu.



Melaka menjadi laluan perdagangan pada abad ke-15.



Kayu balak



Emas



Sagu



Bijih timah

### Kekayaan Hasil Bumi dan Sumber Alam

- ❖ Tanah Melayu mempunyai **hasil bumi** yang banyak seperti bijih timah, bijih besi dan emas.
- ❖ Sabah terkenal dengan **sumber alam** seperti kayu balak, rotan dan sarang burung.
- ❖ Sarawak pula mempunyai emas, sagu dan kapur barus.

## Glosari

**Hasil bumi:** Hasil yang digali daripada dalam bumi.

**Sumber alam:** Sumber yang terdapat di permukaan bumi seperti flora dan fauna.


**Revolusi Perindustrian:** Pengilangan barang secara besar-besaran.

## Penyebaran Agama

- ❖ Kuasa asing mahu menyebarkan agama Kristian ke seluruh dunia termasuk Tanah Melayu.
- ❖ Raja Portugal menggalakkan pelayaran untuk mengembangkan agama Kristian.



Gereja St. Paul dibina pada tahun 1521 oleh Portugis di Melaka.  
(Sumber: Koleksi peribadi Jayakumary a/p Marimuthu)



Perkembangan Revolusi Perindustrian di Eropah.

(Sumber: Peter Lafferty, 2002. *Perintis Sains Pengangkutan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

## Revolusi Perindustrian

- ❖ Pada abad ke-18, Revolusi Perindustrian berkembang di Eropah.
- ❖ Sektor perkilangan seperti pembuatan besi dan keluli, pembuatan kereta serta mengetin makanan giat dijalankan.
- ❖ Kuasa asing memerlukan tanah jajahan untuk mendapatkan bahan mentah dan memasarkan barang mereka.

## Kemasyhuran

- ❖ Kuasa asing mahu menempa kemasyhuran untuk diri sendiri dan negara.
- ❖ Kuasa British muncul sebagai penjajah terbesar.
- ❖ James Brooke menguasai Sarawak setelah melihat kejayaan British di Pulau Pinang dan Singapura.



Fort Margherita, Sarawak.  
(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Penjajahan kuasa asing menyedarkan kita pentingnya kedaulatan negara dipertahankan. Sebagai rakyat, kita harus memupuk semangat patriotik supaya campur tangan dan penjajahan tidak berulang.



Nyatakan kepentingan semangat patriotik untuk mempertahankan kedaulatan negara.



### Cepat Jawab

Bilakah Revolusi Perindustrian berkembang di Eropah?



### AKTIVITI PAK-21

#### Manguk Ikan Emas (Goldfish Bowl)

1. Bentuk lima kumpulan mengikut faktor kedatangan kuasa asing.
2. Setiap kumpulan mengumpul maklumat tambahan mengikut tajuk yang diberikan.
3. Bentangkan dapatan dan jawab soalan daripada kumpulan lain.





# Kesan terhadap Pentadbiran Akibat Penjajahan

Campur tangan dan penjajahan kuasa asing telah membawa banyak perubahan dalam sistem pentadbiran di Tanah Melayu, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah).

## Negeri-negeri Selat (1826)

- ★ Pulau Pinang, Melaka dan Singapura digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat.
- ★ Negeri-negeri ini merupakan Tanah Jajahan Mahkota.
- ★ Negeri-negeri Selat ditadbir oleh Gabenor.

## Borneo Utara (Sabah) (1881)

- ★ Lembaga Pengarah SBUB di London memberikan arahan terhadap hal ehwal pentadbiran Borneo Utara.
- ★ Pentadbiran negeri diketuai oleh Gabenor.

## Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (1909 dan 1914)

- ★ Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- ★ Pada tahun 1914, Johor turut dimasukkan dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- ★ Penasihat British dilantik untuk membantu pentadbiran negeri tersebut.

## Sarawak (1841)

- ★ Pemerintahan bercorak monarki diperkenalkan.
- ★ Pemerintah Sarawak dikenali sebagai "Rajah Putih".
- ★ Pentadbiran Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian yang ditadbir oleh Residen.

## Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1896)

- ★ Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- ★ Residen British dilantik untuk mengurus pentadbiran negeri.
- ★ Residen British tidak boleh mencampuri hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu.

### Glosari

**Monarki:** Pemerintahan beraja.



### Cepat Jawab

Apakah corak pemerintahan di Sarawak?



### TAHUKAH ANDA?

- Residen British dan Penasihat British berperanan sebagai penasihat raja atau sultan.
- Tanah Jajahan Mahkota ialah negeri yang diperintah secara langsung oleh kerajaan British.





# Kesan Sosial dan Ekonomi Akibat Penjajahan

British memperkenalkan beberapa perubahan baharu yang bertujuan untuk mengeksplorasi kekayaan hasil bumi dan sumber alam. Akibat daripada perubahan tersebut, wujud beberapa kesan dari aspek ekonomi dan sosial di negara kita.

## Kesan Ekonomi Akibat Penjajahan



Arang batu

### Perkembangan Industri Perlombongan

Industri perlombongan giat dilakukan. Bijih timah di Tanah Melayu, emas di Sarawak dan arang batu di Sabah.



Lada hitam

### Perkembangan Pertanian Komersial

Pertanian komersial untuk tujuan eksport.  
Tanah Melayu – kelapa sawit, tebu dan kopi.  
Sarawak – lada hitam  
Sabah – tembakau



Penanaman getah

### Perkembangan Penanaman Getah

Banyak estet getah dibuka. Syarikat Eropah seperti Guthrie dan British North Borneo Company terlibat dalam sektor penanaman getah.



Mercantile Bank di Ipoh.

### Sistem Perbankan Moden

Sistem perbankan diperkenalkan. Bank seperti Mercantile Bank (1859) dan The Chartered Bank (1888) ditubuhkan.



### Cepat Jawab

Nyatakan pertanian komersial yang diusahakan di Sabah.

7.I.4

Nota Guru

Bantu murid memahami kesan penjajahan terhadap ekonomi negara.

### Glosari



**Komersial:** Berkaitan dengan perdagangan.

## Kesan Sosial Akibat Penjajahan

### Pembentukan Masyarakat Majmuk

Kemasukan tenaga kerja dari negara China dan India mewujudkan masyarakat majmuk.



Pekerja Cina dan India.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Sibu pada tahun 1960-an.

(Sumber: Sarawak Chinese Cultural Association, 2010. *Sibu of Yesterday*. Edisi Kedua. Sibu: Sarawak)



Bandar baharu muncul sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan pelabuhan.

Contohnya, Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Seremban, Sibu, Miri, Jesselton (Kota Kinabalu), Sandakan dan Tawau.



SK St. Mary Bandar ditubuhkan pada tahun 1883 (sekolah Inggeris pertama di Sabah).  
(Sumber: SK St. Mary Bandar, Sabah)

### Perkembangan Sistem Pendidikan

- Sistem pendidikan **vernacular** mengikut aliran bahasa Melayu, Cina dan Tamil diperkenalkan.
- Sekolah Inggeris diwujudkan di kawasan pekan dan bandar.
- Pendidikan pada peringkat maktab untuk melatih bakal guru diperkenalkan.

### Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

- Jalan kereta api dan jalan raya dibina untuk memudahkan hasil dihantar ke pelabuhan.
- Sistem pos, telegraf dan telefon diperkenalkan.



Stesen kereta api Kuala Lumpur pada tahun 1886.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Apakah kepentingan mengekalkan kedaulatan dan kemakmuran negara?

### Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan



Pembukaan hospital dan **dispensari** untuk merawat pesakit.



Hospital Taiping ditubuhkan pada tahun 1880 (hospital pertama di negara kita).

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

**Eksloitasi** sumber bahan mentah oleh penjajah menyedarkan kita betapa pentingnya kedaulatan dan kemakmuran negara dipelihara. Kita perlu tahu bahawa segala kesan pentadbiran, sosial dan ekonomi yang wujud adalah untuk kepentingan pihak penjajah semata-mata.

### Glosari

**Dispensari:** Tempat mengambil ubat.

**Eksloitasi:** Mengambil kesempatan terhadap sesuatu untuk keuntungan sendiri.

**Vernakular:** Penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

### Kuasa Asing di Tanah Airku

Kuasa asing menggunakan strategi seperti naungan, campur tangan dan penjajahan untuk mencampuri hal ehwal negara.



### Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing

Siam, Portugis, Belanda, British, Jepun, keluarga Brooke dan Syarikat Borneo Utara British ialah kuasa asing yang campur tangan dan menjajah negara kita.



### Bumi Bertuah Menjadi Rebutan

Kedudukan strategik, kekayaan hasil bumi dan sumber alam, penyebaran agama, Revolusi Perindustrian dan kemasyhuran merupakan faktor utama negara kita dijajah.



### Penjajahan dan Kesannya

#### Kesan Pentadbiran:

- Negeri-negeri Selat (1826)
- Sarawak (1841)
- Borneo Utara (Sabah) (1881)
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1896)
- Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (1909 dan 1914)



#### Kesan Ekonomi:

- Perkembangan Penanaman Getah
- Perkembangan Industri Perlombongan
- Perkembangan Pertanian Komersial
- Sistem Perbankan Moden



#### Kesan Sosial:

- Pembentukan Masyarakat Majmuk
- Perkembangan Bandar Baharu
- Perkembangan Sistem Pendidikan
- Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan
- Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

Unit ini membincangkan campur tangan dan penjajahan di negara kita. Pengetahuan tentang kuasa asing membantu kita untuk mengenali tokoh pejuang tempatan yang bangun menentang penjajah pada unit yang berikutnya.



## FIKIR DAN JAWAB

Isi tempat kosong bagi setiap soalan di bawah berpandukan jawapan yang diberikan.

komersial

Melaka

naungan

Jepun

pelabuhan

majmuk

Perindustrian

Rajah Putih

dispensari

Kekayaan

- 1 Maksud negeri \_\_\_\_\_ ialah negeri yang diberi perlindungan oleh kuasa asing.
- 2 Pada Perang Dunia Kedua, kuasa \_\_\_\_\_ berjaya menduduki negara kita.
- 3 Pulau Pinang, \_\_\_\_\_ dan Singapura digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat pada tahun 1826.
- 4 Revolusi \_\_\_\_\_ merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kuasa asing campur tangan dan menjajah negara kita.
- 5 British memperkenalkan pertanian \_\_\_\_\_ untuk tujuan eksport.
- 6 Kedatangan pekerja Cina dan India telah membentuk masyarakat \_\_\_\_\_.
- 7 Hospital dan \_\_\_\_\_ dibuka untuk merawat pesakit.
- 8 \_\_\_\_\_ hasil bumi dan sumber alam adalah antara faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita.
- 9 James Brooke menggunakan gelaran \_\_\_\_\_ selepas menguasai Sarawak.
- 10 Jalan kereta api dan jalan raya dibina untuk menghantar hasil ke \_\_\_\_\_.

# CINTA AKAN NEGARA



Mengetahui zaman penjajahan membolehkan kita memahami dan menghargai kedaulatan negara pada masa ini.

## Dahulu dan Kini

Kerajaan British menjadikan Jesselton sebagai ibu negeri Borneo Utara. Pada tahun 1968, namanya ditukar kepada Kota Kinabalu.



Bandar Jesselton pada tahun 1910.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Bandar Kota Kinabalu.

(Sumber: Tourism Malaysia)

### Diri

Sebagai pelajar, kita harus mempunyai perasaan cinta akan negara.

### Masyarakat


Perasaan cinta akan negara dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai semangat patriotik.

### Negara

Warganegara yang memiliki jati diri dan semangat patriotik mampu mempertahankan kedaulatan negara.

UNIT  
**5**

# BANGKIT BERJUANG PENJAJAH DITENTANG




## Sinopsis

Kedatangan kuasa asing menyebabkan berlakunya penentangan oleh penduduk tempatan. Unit ini akan membincangkan tokoh tempatan yang menentang penjajah, sebab penentangan dan peristiwa penentangan terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Tokoh tempatan yang menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing.
2. Sebab penentangan tokoh tempatan terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing.
3. Peristiwa penentangan tokoh tempatan terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Meneroka bukti tokoh yang terlibat untuk menentang penjajahan dan campur tangan kuasa asing.
2. Mengkaji sebab-musabab penentangan tokoh tempatan terhadap penjajahan dan campur tangan kuasa asing.
3. Melihat sebab dan akibat peristiwa penentangan yang melibatkan tokoh tempatan.



## Pahlawan Tempatan

Tokoh pahlawan tempatan yang bangkit menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing, antaranya termasuklah Dol Said, Rentap, Sharif Masahor, Dato' Maharaja Lela, Yamtuan Antah, Dato' Bahaman, Mat Salleh, Antenom, Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limpong. Pahlawan-pahlawan ini berusaha untuk mempertahankan kedudukan dan kawasan pentadbiran mereka daripada campur tangan kuasa asing. Perjuangan mereka bersifat setempat dan mendapat sokongan pembesar serta penduduk tempatan.

### Dol Said

Nama sebenar Dol Said ialah Abdul Said bin Omar atau dikenali sebagai Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said. Beliau dilahirkan pada tahun 1773 dan berasal daripada suku Semelenggang.



### Sebab Penentangan


- ◆ Naning merupakan kawasan yang bersempadan dengan Melaka.
- ◆ British mendakwa Naning ialah jajahannya tetapi Dol Said membantah.
- ◆ Dol Said enggan membayar cukai hasil tahunan satu persepuluh kepada British.
- ◆ Dol Said berusaha untuk mempertahankan kedaulatan Naning.



Peta Perang Naning.

### Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1831, British menyerang Naning tetapi kalah. Dol Said menang kerana menerima bantuan ketenteraan dari Ulu Muar, Sungai Ujong, Seri Menanti dan Rembau.
- ◆ Pada tahun 1832, British menyerang semula Naning dan berjaya mengalahkan Dol Said. Kekalahan ini disebabkan oleh sekutu Dol Said menolong British.
- ◆ Akhirnya, Dol Said menyerah diri, diberi pencen, sebidang tanah dan dibawa ke Melaka.



#### Cepat Jawab

Mengapakah British berjaya mengalahkan Dol Said?


# Rentap

Nama sebenar Rentap ialah Libau anak Ningkan. Beliau merupakan pemimpin orang Iban di Nanga Skrang, Sarawak.



## Sebab Penentangan

- ◆ James Brooke menghapuskan petempatan orang Iban di Nanga Skrang.
- ◆ James Brooke menganggap orang Iban sebagai lanun.



Peta menunjukkan lokasi kubu Rentap.

## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1853, Rentap berjaya menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang.
- ◆ James Brooke menyerang balas dengan membakar 20 buah rumah panjang di kawasan Rentap.
- ◆ Pada tahun 1854, James Brooke menyerang Rentap di Sungai Lang. Rentap berundur ke hutan dan membina kubu di Bukit Sadok.
- ◆ Pada tahun 1861, James Brooke menyerang kubu Rentap.
- ◆ Rentap berundur ke Ulu Entabai.

## Glosari

**Nanga:** Sungai dalam dialek Iban.  
**Kayu belian:** Sejenis pokok yang kayunya keras.

## TAHUKAH ANDA?

Kubu pertahanan Rentap diperbuat daripada **kayu belian**.


7.2.1, 7.2.2  
7.2.3

Nota  
Guru

Bimbang murid memahami sebab dan peristiwa penentangan Dol Said dan Rentap.

# Sharif Masahor

Nama penuh beliau ialah Sharif Masahor bin Muhammad al-Shahab. Beliau berasal dari Kampung Igan. Beliau merupakan pembesar Sarikei di Sungai Rajang, Sarawak.




## Sebab Penentangan

- ◆ Sharif Masahor menentang James Brooke kerana menguasai Sarikei.
- ◆ Penguasaan James Brooke menyebabkan Sharif Masahor kehilangan hak dan kuasa sebagai pembesar di Sarikei.

## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1859, Sharif Masahor bersama-sama dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur dan Pengiran Temenggung Hashim berpaktat untuk mengusir keluarga Brooke di Kuching.
- ◆ Sharif Masahor menyerang kubu Brooke berhampiran Sungai Rajang di Kanowit.
- ◆ Namun begitu, keluarga Brooke berjaya menggagalkan serangan ini.
- ◆ Sharif Masahor dibuang negeri, manakala Datu Patinggi Abdul Ghapur ditangkap oleh Belanda dan dipenjarakan di Betawi.



Peta menunjukkan kawasan penentangan Sharif Masahor di Sarawak.

### Cepat Jawab

Apakah nama kawasan penentangan Sharif Masahor?

# Dato' Maharaja Lela

Nama penuh beliau ialah Dato' Maharaja Lela Pandak Lam. Dato' Maharaja Lela ialah Orang Besar Berlapan Perak yang mentadbir kawasan Pasir Salak.



## Sebab Penentangan

- ◆ Residen British J.W.W. Birch campur tangan dalam pentadbiran negeri dan adat resam orang Melayu.
- ◆ Residen British mengambil alih kuasa sultan dan pembesar tempatan.
- ◆ British memperkenalkan cukai baharu yang membebankan rakyat.
- ◆ Residen British bersikap angkuh dan sompong.



## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada Februari 1875, Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar Melayu Perak membuat bantahan terhadap campur tangan British.
- ◆ Pada September 1875, Dato' Maharaja Lela bersetuju mengambil tanggungjawab untuk membunuh Residen British, iaitu J.W.W. Birch.
- ◆ Pada November 1875, J.W.W. Birch dibunuh oleh Seputum atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak.
- ◆ Pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela dan Seputum ditangkap dan kemudian mereka dijatuhi hukuman gantung.



Peta menunjukkan kawasan penentangan Dato' Maharaja Lela di Perak.



Diorama peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Sungai Perak, Pasir Salak.  
(Sumber: Kompleks Sejarah Pasir Salak)



## AKTIVITI

Secara berkumpulan, hasilkan pakaian tokoh pejuang tempatan pada zaman dahulu dengan menggunakan bahan kitar semula.

## TAHUKAH ANDA?



Nama penuh J.W.W. Birch ialah James Wheeler Woodford Birch.

Apakah iktibar yang anda peroleh daripada peristiwa penentangan Dato' Maharaja Lela?

## Yamtuan Antah

Nama sebenar Yamtuan Antah ialah Tunku Antah Raja Radin. Beliau merupakan anak Yamtuan Besar Negeri Sembilan.




### Sebab Penentangan

- ◆ Yamtuan Antah menentang British kerana mencampuri urusan pentadbiran di Sungai Ujong.
- ◆ British menyokong Dato' Kelana yang mendakwa Terachi ialah wilayahnya.
- ◆ Yamtuan Antah tidak bersetuju dengan tindakan British menyokong Dato' Kelana.
- ◆ Yamtuan Antah bimbang British akan meluaskan kuasa terhadap wilayah lain.

### Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1875, berlaku pertempuran di Paroi.
- ◆ Yamtuan Antah berjaya menawan Paroi, namun British menyerang balas dan akhirnya berjaya mengalahkan pasukan Yamtuan Antah.
- ◆ Pada tahun 1876, Yamtuan Antah berunding dengan British untuk menamatkan persengketaan.
- ◆ Hasil rundingan tersebut, Yamtuan Antah diiktiraf sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.



Peta jajahan takluk Seri Menanti.

### AKTIVITI PAK-21 Drama (Dramatisation)

- I. Secara berkumpulan, hasilkan skrip lakonan berdasarkan peristiwa di atas.
2. Lakonkannya.

**TAHUKAH ANDA?**  
Seri Menanti ialah tempat bersemayam Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.


# Dato' Bahaman

Nama sebenar Dato' Bahaman ialah Abdul Rahman bin Imam Noh dan dikenali sebagai Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan.



## Sebab Penentangan

- ◆ Dato' Bahaman kehilangan hak memungut cukai dan dilucutkan gelaran sebagai pembesar.
- ◆ Dato' Bahaman menentang pembinaan balai polis di Lubuk Terua yang merupakan kawasan pengaruhnya.



Peta kawasan penentangan Dato' Bahaman di PAHANG.

## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1891, Dato' Bahaman mengetuai serangan terhadap British dan berjaya menawan Lubuk Terua.
- ◆ Pada tahun 1892, Dato' Bahaman mematahkan serangan British di Semantan.
- ◆ Pada tahun 1894, Dato' Bahaman menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
- ◆ Pada tahun 1895, Dato' Bahaman berundur ke Kelantan setelah British menawan semula Jeram Ampai.



## AKTIVITI

Surih peta dan lorekkan kawasan penentangan Dato' Bahaman.



Mengapakah Dato' Bahaman berusaha mempertahankan Lubuk Terua?

# Mat Salleh

Nama sebenar Mat Salleh ialah Datu Paduka Mohammad Salleh bin Datu Balu atau digelar sebagai Mat Salleh. Beliau dilahirkan di Inanam, Sabah. Beliau berketurunan Bajau dan Suluk.




## Sebab Penentangan

- ◆ Mat Salleh menentang SBUB kerana tidak mengiktiraf kedudukannya sebagai pemerintah di Sandakan, Menggatal, Inanam dan Pulau Gaya.
- ◆ SBUB mengambil alih hak memungut cukai dan mengadakan peraturan baharu yang membebankan rakyat.

## Peristiwa Penentangan


- ◆ Pada tahun 1897, Mat Salleh dan pengikutnya menyerang kubu SBUB di Pulau Gaya.
- ◆ Mat Salleh mendirikan kubu lebih kukuh di Tambunan setelah kubunya di Ranau dimusnahkan oleh SBUB.
- ◆ Pada tahun 1900, SBUB melancarkan serangan besar-besaran dan menyebabkan Mat Salleh terkorban.
- ◆ Perjuangan Mat Salleh diteruskan oleh Mat Sator yang berpusat di Kampung Kapayan Lama, Tambunan.



Peta kawasan berlakunya penentangan Mat Salleh di Sabah.



Memorial Datu Paduka Mat Salleh di Tambunan.  
(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)



Apakah kepentingan menghargai perjuangan pemimpin terdahulu?



DAYU SANSALU



(Sumber: Dayu Sansalu, 2017. *Antenom Pahlawan Terbilang Bangsa Murut*. Kota Kinabalu: Pusaka Sabah)

## Antenom

Nama sebenar Antenom ialah Ontoros bin Buyusan. Beliau dilahirkan pada tahun 1873 di Silar Pinikit Salangit, Ulu Sungai Tahol, Pensiangan, Sabah.

### Sebab Penentangan

- ◆ SBUB menjadikan kaum Murut sebagai buruh paksa untuk membina jalan.
- ◆ SBUB tidak menghiraukan adat dan kepercayaan penduduk dengan menceroboh kawasan hutan yang dianggap mengganggu roh nenek moyang mereka.
- ◆ Pengenalan cukai baharu yang membebankan rakyat.
- ◆ SBUB tidak membenarkan penduduk membuka tanah untuk pertanian.

### Peristiwa Penentangan

- ◆ Antenom mengetuai pahlawan Murut untuk menentang SBUB dan membina kubu di Silar Pinikit, Salangit, Ulu Sungai Tahol, Pensiangan.
- ◆ Pada tahun 1915, Antenom melancarkan serang hendap dengan menggunakan tombak, pedang dan sumpit terhadap SBUB di Pensiangan dan membina kubu di Sungai Salangit.
- ◆ Akhirnya, Antenom menyerah diri kepada SBUB untuk menyelamatkan keluarga, pengikut dan kaum Murut.

### Cepat Jawab


Berikan dua sebab penentangan Antenom di Sabah.



Bimbing murid memahami sebab dan peristiwa penentangan Mat Salleh dan Antenom.

# Tok Janggut

Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan bin Munas. Beliau dilahirkan pada tahun 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh, Kelantan.



## Sebab Penentangan


- ◆ Tok Janggut tidak bersetuju dengan pengenalan Sistem Penasihat British.
- ◆ Penduduk tempatan dipaksa menerima sistem cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan mereka.
- ◆ Peraturan baharu British menimbulkan kesulitan kepada penduduk tempatan.

## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1915, Tok Janggut menyerang dan berjaya menguasai Pasir Puteh.
- ◆ British menyerang balas Tok Janggut yang berkubu di Kampung Dalam Pupuh.
- ◆ Tok Janggut terkorban dalam pertempuran itu.



Lokasi kawasan penentangan Tok Janggut di Kelantan.



## TAHUKAH ANDA?



Sistem Penasihat British merupakan bentuk pentadbiran British yang menempatkan seorang penasihat di negeri tertentu. Penasihat British bertanggungjawab menasihati sultan dalam semua perkara kecuali agama Islam dan adat istiadat orang Melayu.

## AKTIVITI PAK-21 Kerusi Panas (Hot Seat)


1. Aktiviti susulan selepas murid membuat bacaan teks di atas.
2. Seorang murid dipilih untuk duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi "Tok Janggut".
3. "Tok Janggut" akan menjawab semua soalan daripada murid lain.

# Haji Abdul Rahman Limpong

Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid. Beliau dilahirkan pada tahun 1868 dan meninggal dunia pada tahun 1929 di Mekah.

## Sebab Penentangan

- ◆ British memperkenalkan undang-undang baharu yang membebankan rakyat seperti peraturan tanah untuk petani menjalankan kegiatan pertanian.
- ◆ British mengancam untuk mengenakan tindakan undang-undang sekiranya penduduk tempatan enggan membayar cukai.



Lokasi kawasan kebangkitan rakyat di Terengganu.

 Huraikan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.

## Peristiwa Penentangan

- ◆ Pada tahun 1922, Haji Abdul Rahman Limpong bertindak sebagai peguam di mahkamah dan berjaya membela petani yang ditangkap kerana menentang peraturan baharu di Kuala Telemong.
- ◆ Pada tahun 1928, petani dan pengikut Haji Abdul Rahman Limpong telah menawan balai polis di Kuala Berang.
- ◆ British melancarkan serangan balas. Haji Abdul Rahman Limpong ditangkap atas tuduhan menghasut dan dihukum buang negeri ke Mekah.



Situasi ketika penduduk tempatan yang menentang British dibawa ke balai polis.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Banyak pengajaran boleh didapati daripada sejarah perjuangan pahlawan tempatan, antaranya termasuklah semangat untuk mempertahankan kawasan mereka daripada penjajah. Sebagai warganegara, kita perlu bersikap patriotik dan menghargai sejarah perjuangan serta pengorbanan mereka.



## KAJIAN KES

### PAHLAWAN KEBANGGAANKU

Penyataan Masalah

- Kedatangan kuasa asing untuk menjajah Tanah Melayu mencetuskan penentangan penduduk tempatan. Bincangkan.

Objektif Kajian

- Menyatakan tokoh dan sebab penentangan terhadap campur tangan dan penjajahan kuasa asing.
- Menghuraikan peristiwa penentangan.
- Menghuraikan kesan dan pengajaran terhadap peristiwa penentangan.

Sumber Rujukan

- Muzium/arkib/agensi berkaitan
- Buku/jurnal/majalah
- Dokumen/laporan/diari
- Akhbar
- Orang sumber
- Laman sesawang rasmi

Laporan Kajian

- Tajuk
- Penyataan masalah
- Objektif kajian
- Kaedah kajian
- Analisis data
- Hasil dapatan
- Kesimpulan
- Rujukan
- Lampiran

- Kajian ini boleh dijalankan secara individu atau kumpulan.
- Laporan kajian disediakan dalam satu halaman hingga lima halaman sahaja.
- Bimbing murid melaksanakan kajian kes mengikut format yang ditetapkan.

**DOL SAID**

- ❖ British mendakwa Naning ialah jajahannya.
- ❖ Dol Said menyerang British, namun beliau dikalahkan.

**RENTAP**

- ❖ James Brooke menganggap orang Iban sebagai lanun.
- ❖ Rentap menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang.

**SHARIF MASAHOR**

- ❖ Menentang kerana James Brooke menguasai Sarikei.
- ❖ Sharif Masahor menyerang kubu Brooke di Kanowit.

**DATO' MAHARAJA LELA**

- ❖ Pembesar kehilangan kuasa dan Residen British mencampuri adat resam orang Melayu.
- ❖ Dato' Maharaja Lela merancang pembunuhan J.W.W. Birch.

**YAMTUAN ANTAH**

- ❖ Menentang campur tangan British di Sungai Ujong.
- ❖ Yamtuan Antah berunding dengan British untuk menamatkan persengketaan.

**DATO' BAHAMAN**

- ❖ Pembesar kehilangan hak memungut cukai.
- ❖ Dato' Bahaman melancarkan serangan terhadap British dan berjaya menawan Lubuk Terua.

**MAT SALLEH**

- ❖ SBUB tidak mengiktiraf kedudukan Mat Salleh sebagai pemerintah di Sandakan, Menggatal, Inanam dan Pulau Gaya.
- ❖ Mat Salleh melakukan serangan terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya.

**ANTENOM**

- ❖ SBUB menjadikan kaum Murut sebagai buruh paksa untuk membina jalan.
- ❖ Antenom mengetuai pemberontakan dan mengumpul pahlawan Murut untuk menentang SBUB.

**TOK JANGGUT**

- ❖ Menentang Sistem Penasihat British.
- ❖ Tok Janggut menyerang dan berjaya menguasai Pasir Puteh.

**HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG**

- ❖ Menentang British kerana memperkenalkan undang-undang dan peraturan tanah baharu.
- ❖ Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sebagai peguam dan berjaya membela petani yang ditangkap kerana menentang peraturan British.

Unit ini membincangkan perjuangan menentang campur tangan dan penjajahan kuasa asing oleh pahlawan tempatan. Pemahaman tentang perjuangan mereka membantu murid memahami sejarah kemerdekaan tanah air dalam unit seterusnya.




## FIKIR DAN JAWAB

### A Lengkapkan jadual dengan maklumat yang tepat.

Lokasi	Tokoh Pahlawan
Naning	
	Rentap
Sarikei	
	Dato' Maharaja Lela
Seri Menanti	

Lokasi	Tokoh Pahlawan
	Dato' Bahaman
Pasir Puteh	
	Mat Salleh
	Antenom
	Haji Abdul Rahman Limpong



### Perajurit Tanah Air

Inilah barisan kita  
Yangikhlas berjuang  
Siapsedia berkorban  
Untuk ibu pertiwi


Sebelum kita berjaya  
Jangan harap kami pulang  
Inilah sumpah pendekar kita  
Menuju medan bakti

Andai kata kami gugur semua  
Taburlah bunga di atas pusara  
Kami mohon doa Malaysia berjaya  
Semboyan telah berbunyi  
Menuju medan bakti.

Lagu/lirik: Saiful Bahri



Perajurit Tanah Air.



### B Berdasarkan lirik lagu Perajurit Tanah Air:

1. Nyatakan dua nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu di atas.

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

2. Apakah maksud rangkap pertama dalam lirik lagu tersebut?
- \_\_\_\_\_

3. Nyatakan cara anda menghargai jasa pahlawan yang berkorban untuk negara.
- \_\_\_\_\_

# CINTA AKAN NEGARA



Perjuangan tokoh tempatan terhadap penjajahan dan campur tangan kuasa asing menyedarkan kita betapa pentingnya menjaga kedaulatan tanah air.

## Diri

Menghayati dan menghargai pengorbanan pejuang yang menentang penjajah dapat melahirkan semangat patriotik dalam diri saya.



## Masyarakat

Masyarakat yang mempunyai semangat patriotik dan menghayati sejarah negara akan lebih mencintai agama, bangsa dan negara.



## Negara

Masyarakat yang mencintai negara akan berusaha mengekalkan keamanan dan perpaduan demi kedaulatan negara.



Tentera Darat Malaysia (TDM)



Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

Pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga mempertahankan kedaulatan negara.  
(Sumber: Kementerian Pertahanan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia)

UNIT

6

# SEJARAH KEMERDEKAAN



## Sinopsis

Sejarah kemerdekaan negara perlu dipelajari bagi memberikan pemahaman dan pengetahuan berkenaan dengan usaha pemimpin bersama-sama dengan rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Pelbagai rintangan dan cabaran telah dilalui untuk membentuk serta menubuhkan sebuah negara yang merdeka. Unit ini membincangkan tokoh, usaha ke arah kemerdekaan dan detik-detik pengisytiharan kemerdekaan pada tahun 1957.




Rombongan kemerdekaan pada 20 Februari 1956 di Banda Hilir, Melaka.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan.
2. Usaha-usaha ke arah kemerdekaan.
3. Detik-detik pengisytiharan kemerdekaan.



### NILAI TERAS SIVIK

Bertanggungjawab



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami susunan dan pertukaran masa sejarah kemerdekaan negara.
2. Memahami isu dan masalah masa lalu bagi meningkatkan kesedaran kepentingan mempertahankan kemerdekaan.
3. Meneroka bukti signifikan tokoh-tokoh yang terlibat dalam perjuangan ke arah kemerdekaan.



## Pejuang Kemerdekaan

Pemimpin dan rakyat sedar akan pentingnya kebebasan tanah air. Kebijaksanaan dan kehebatan tokoh-tokoh pejuang terdahulu berjaya memerdekakan negara kita daripada belenggu penjajah. Permuafakatan antara pemimpin memudahkan proses untuk mencapai kemerdekaan.



### Dato' Onn bin Ja'afar

- ★ Penggerusi Kongres Melayu pada tahun 1946.
- ★ Yang Dipertua pertama United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946.
- ★ Pernah dilantik sebagai Menteri Besar Johor.
- ★ Menggerakkan orang Melayu untuk bersatu menentang penubuhan Malayan Union.
- ★ Pengasas Independence of Malaya Party (IMP).

### Dr. Burhanuddin al-Helmi

- ★ Yang Dipertua kedua Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945.
- ★ Memimpin Parti Islam Se-Malaya (PAS) pada tahun 1956.
- ★ Memperjuangkan Konsep Melayu Raya.
- ★ Memimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS).



### Ahmad Boestamam

- ★ Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) pada tahun 1946.
- ★ Menubuhkan Parti Rakyat Malaya (PRM) pada tahun 1955.
- ★ Menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of the People*.



## Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah

- ★ Yang Dipertua kedua UMNO.
- ★ Pengasas Parti Perikatan pada tahun 1952.
- ★ Mengetuai rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956.
- ★ Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

## Ishak Haji Muhammad

- ★ Meletak jawatan sebagai Majistret Kelas III pada tahun 1934 untuk bergiat aktif dalam politik.
- ★ Pengasas akhbar *Utusan Melayu*.
- ★ Memimpin Parti Buruh Malaya pada tahun 1957.



## Abu Bakar al-Baqir

- ★ Menubuhkan Maahad al-Ehya Assharif pada tahun 1934.
- ★ Menganjurkan Persidangan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA) pada tahun 1948.
- ★ Mengetuai Hizbul Muslimin pada tahun 1948.



### Cepat Jawab

Siapakah tokoh yang mengetuai rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London?



### TAHUKAH ANDA?

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan putera Sultan Abdul Hamid Halim Shah, iaitu Sultan Kedah.
- Parti Perikatan merupakan gabungan UMNO, MCA dan MIC yang merapatkan hubungan antara orang Melayu, Cina dan India dalam bidang politik.



Nyatakan kepentingan permufakatan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.



Bimbang murid mengenali tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan.

### Tun Tan Cheng Lock

- ★ Presiden All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) pada tahun 1945.
- ★ Presiden Malayan Chinese Association (MCA) yang pertama pada tahun 1949.
- ★ Membawa MCA bergabung dengan UMNO dalam penubuhan Parti Perikatan.
- ★ Memupuk perasaan taat setia masyarakat Cina kepada negara.



### Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein

- ★ Ahli rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London.
- ★ Memperkenalkan Penyata Razak pada tahun 1956.
- ★ Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada tahun 1957.
- ★ Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

### Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz

- ★ Menentang penubuhan Malayan Union.
- ★ Setiausaha UMNO yang pertama pada tahun 1946.
- ★ Mewakili raja-raja Melayu dalam rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956.
- ★ Menteri Besar Perak yang pertama.



### AKTIVITI PAK-21 Jalan Galeri (Gallery Walk)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi sehelai kertas dan diminta menulis maklumat berkaitan dengan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan secara kreatif.
3. Tampal hasil tugas di dalam kelas untuk dilihat oleh kumpulan lain.
4. Murid dari kumpulan lain akan memberikan komen tentang hasil tugas dengan menggunakan nota pelekat dan menampal pada hasil tugas tersebut.

### Tun H.S. Lee

- ★ Mengetuai MCA Selangor pada tahun 1949.
- ★ Pemimpin penggerak kerjasama UMNO–MCA.
- ★ Penggerak ke arah kerjasama antara kaum.
- ★ Ahli rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956.
- ★ Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.



### Tun V.T. Sambanthan

- ★ Presiden Malayan Indian Congress (MIC) yang kelima pada tahun 1955.
- ★ Menyertai rombongan kemerdekaan pada tahun 1957.
- ★ Menteri Kesihatan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.



### Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman

- ★ Timbalan Yang Dipertua UMNO pada tahun 1951.
- ★ Wakil UMNO untuk berunding dengan MCA bagi membentuk Parti Perikatan pada tahun 1951–1952.

(Sumber: Ishak Saat, 2011. *Radikalisme Melayu Perak 1945–1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia)

Tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan telah banyak berjasa kepada negara. Sebagai anak merdeka, kita seharusnya berbangga dan menghargai perjuangan serta pengorbanan mereka.



#### Cepat Jawab

Siapakah Menteri Kesihatan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama?

7.3.1



Bimbing murid menyenaraikan tokoh pejuang kemerdekaan.





## Ke Arah Menuntut Kemerdekaan

Keperitan akibat dikuasai oleh penjajah menyebabkan rakyat bangkit untuk menuntut kebebasan tanah air. Permuafakatan masyarakat dan pemimpin pelbagai kaum memudahkan proses mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan negara adalah seperti yang berikut:

### Pendudukan Jepun

- Pendudukan Jepun menyebabkan banyak kesengsaraan.
- Pemimpin tempatan bangkit menggerakkan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan.

### Ancaman Komunis

- Parti Komunis Malaya (PKM) melakukan kezaliman seperti membunuh, memusnahkan lombong bijih timah dan ladang getah.
- Keganasan komunis mengakibatkan darurat diisyiharkan di seluruh negara pada tahun 1948.
- Rundingan Baling telah diadakan pada tahun 1955 tetapi gagal.
- Pada tahun 1960, darurat diisyiharkan tamat.

1942–1945

1946–1948

1948

1945 —

### Malayan Union

- British memperkenalkan Malayan Union yang merupakan bentuk penjajahan baharu.
- Menghapuskan kuasa raja-raja Melayu.
- Orang Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn bin Ja'afar bangkit menentang Malayan Union.
- Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.



### Cepat Jawab

Siapakah tokoh yang memimpin bantahan terhadap Malayan Union?



### TAHUKAH ANDA?

Darurat merupakan keadaan susah yang datang dengan tidak disangka-sangka.

## Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

- Parti Perikatan yang dianggotai oleh UMNO, MCA dan MIC ditubuhkan bagi menghadapi pilihan raya.
- Setiap parti politik mewakili setiap kaum, iaitu Melayu, Cina dan India. Parti Perikatan menang dalam pilihan raya ini.
- Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri.
- Parti Perikatan telah berunding dengan British untuk mendapatkan kemerdekaan.

## Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

- Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

1951

1955

1956

1957

## Kemunculan Parti-parti Politik

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945.
- United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946.
- Malayan Indian Congress (MIC) pada tahun 1946.
- Hizbul Muslimin pada tahun 1948.
- Malayan Chinese Association (MCA) pada tahun 1949.
- Parti Islam Se-Malaya (PAS) pada tahun 1951.

## Rundingan London

- Wakil raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan berangkat ke London. Tujuan mereka ke London adalah untuk berunding dengan British berkaitan dengan kemerdekaan.

Apakah pengorbanan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan yang boleh anda contoh?

(Sumber: Ramlah Adam, 2003. *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia)

7.3.2  
K7.3.4

Nota Guru

Bimbing murid mengenal pasti peristiwa ke arah menuntut kemerdekaan.

## Rundingan Kemerdekaan

Permuaafakatan dalam kalangan pemimpin menjadi teras utama kemerdekaan negara kita. Pada tahun 1956, rombongan kemerdekaan berangkat ke London untuk berunding dengan pihak British yang diwakili oleh Lord Alan Lennox-Boyd untuk mendapatkan kemerdekaan.



Rombongan kemerdekaan ke London yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Ahli rombongan ini terdiri daripada empat orang wakil raja Melayu dan empat wakil Parti Perikatan.

### Wakil Raja-raja Melayu:

- ❖ Dato' Abdul Wahab Toh Muda Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang)
- ❖ Abdul Aziz Abdul Majid
- ❖ Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- ❖ Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

### Wakil Parti Perikatan:

- ❖ Tunku Abdul Rahman
- ❖ Dato' Abdul Razak Hussein
- ❖ Dr. Ismail Abdul Rahman
- ❖ Kolonel H.S. Lee



Video rombongan kemerdekaan.



### Cepat Jawab

Di manakah rombongan kemerdekaan mengadakan pertemuan dengan pihak British?

Hasil rundingan ini termeterailah Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang juga dikenali sebagai Perjanjian London. Perjanjian ini memutuskan bahawa 31 Ogos 1957 ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu.



Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Lord Alan Lennox-Boyd pada 8 Februari 1956 di Lancaster House, London. (Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Apakah kaedah yang dipilih pemimpin negara kita untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

7.3.2  
K7.3.5



Bimbang murid memahami tujuan rombongan kemerdekaan diadakan.



## Pengumuman Kemerdekaan

Selepas kejayaan rundingan di London, rombongan kemerdekaan kembali ke Tanah Melayu pada 16 Februari 1956.



Rombongan kemerdekaan disambut meriah.


Bendera Union Jack diturunkan pada pukul 6:30 petang, 30 Ogos 1957 di padang Banda Hilir, Melaka.

Acara ini disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Melaka, H.G. Hammett bersama-sama dengan ribuan rakyat jelata. Peristiwa ini melambangkan berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu.



Tunku Abdul Rahman melambaikan tangan kepada orang ramai.

Pada 20 Februari 1956, rombongan kemerdekaan tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dengan menaiki pesawat Malayan Airways dan disambut meriah oleh orang ramai. Tunku Abdul Rahman mengumumkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan dengan rasminya pada 31 Ogos 1957.



Bendera Union Jack diturunkan di padang Banda Hilir, Melaka.

Permuafakatan antara pemimpin dalam perjuangan menuntut kemerdekaan membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan. Sebagai rakyat, kita haruslah mencontohi kesepakatan ini bagi menjamin keharmonian negara pada masa hadapan.



## Detik Kemerdekaan

31 Ogos 1957 merupakan tarikh yang amat penting buat seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Pada detik keramat tersebut, negara kita mencapai kemerdekaan dan berakhirnya zaman penjajahan.



Bendera Union Jack diturunkan di Kuala Lumpur.



30 Ogos 1957, tepat pukul 12:00 tengah malam, bendera Union Jack diturunkan sebagai simbolik menandakan berakhirnya zaman penjajahan British di Tanah Melayu.



12:01 tengah malam

Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan membuktikan Tanah Melayu ialah sebuah negara yang merdeka.



Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di Kuala Lumpur.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Apakah perasaan anda jika anda hadir menyaksikan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan?



## Pemasuhan Kemerdekaan



**31 Ogos 1957** – Upacara pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu disempurnakan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur di hadapan raja-raja Melayu dan rakyat serta perwakilan dari 30 buah negara **Komanwel**.

Tunku Abdul Rahman melaungkan “MERDEKA” sebanyak tujuh kali dan disambut dengan gemuruh oleh rakyat yang hadir. Serentak dengan itu, bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan *Negaraku*.

Pengisytiharan kemerdekaan membuka lembaran baharu bagi Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara yang bebas dan merdeka.

Setiap rakyat perlu mempertahankan kedaulatan negara. Semangat cinta akan negara perlu disemai sejak kecil lagi. Perpaduan antara kaum menjadi teras bagi mengekalkan kemerdekaan dan keharmonian negara.



### TAHUKAH ANDA?

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah melaungkan “MERDEKA” dengan mengangkat tangan sebagai simbolik bahawa negara kita telah bebas daripada belenggu penjajah.



Video Laungan Merdeka.



Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan mempertahankan kemerdekaan negara.

### Glosari

**Komanwel:** Negara bekas tanah jajahan British.

## Pejuang Kemerdekaan

- Dato' Onn bin Ja'afar
- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ahmad Boestamam
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Ishak Haji Muhammad
- Abu Bakar al-Baqir
- Tun Tan Cheng Lock
- Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein
- Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz
- Tun H.S. Lee
- Tun V.T. Sambanthan
- Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman

## Ke Arah Menuntut Kemerdekaan

- Penjajahan kuasa-kuasa asing dan ancaman komunis telah membangkitkan semangat rakyat untuk menuntut kemerdekaan.

## Rundingan Kemerdekaan

- Permuafakatan masyarakat dan kerjasama antara pemimpin pelbagai kaum memudahkan proses menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

## Detik Kemerdekaan

- 31 Ogos 1957 merupakan detik yang ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu kerana negara mendapat kemerdekaan dan bebas daripada belenggu penjajah.


Unit ini memberikan pemahaman tentang sejarah kemerdekaan negara. Pengetahuan ini akan membantu murid memahami institusi Yang di-Pertuan Agong yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



# FIKIR DAN JAWAB

Jawab semua soalan.

- A Lengkapkan peta alir tentang peristiwa dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara dengan jawapan yang betul.



- B** Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

berbangga

kemerdekaan

sepakat

berunding

# Perpaduan

- 1 Pemimpin terdahulu bijak mencapai kata \_\_\_\_\_ bagi mencari jalan untuk kemerdekaan negara.
  - 2 Permuafakatan antara pemimpin memudahkan proses mencapai \_\_\_\_\_.
  - 3 Rombongan kemerdekaan ke London untuk \_\_\_\_\_ bagi mendapatkan kemerdekaan.
  - 4 \_\_\_\_\_ antara kaum perlu dikekalkan bagi menjamin kemakmuran negara.
  - 5 Sebagai rakyat merdeka, kita seharusnya \_\_\_\_\_ dengan pencapaian dan kemakmuran yang ada di negara kita pada masa ini.

# CINTA AKAN NEGARA



Mengetahui perjuangan ke arah kemerdekaan mendorong kita menghayati erti kemerdekaan. Setiap individu mestilah mempertahankan kemerdekaan tanah air daripada apa-apa jua cabaran dan rintangan yang mendaratang.



Kita mestilah mengekalkan kemerdekaan negara untuk generasi yang akan datang.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

## Diri

Sebagai rakyat, kita perlu menanam semangat cinta akan negara dan menghargai erti kemerdekaan.



## Masyarakat

Menghayati erti kemerdekaan akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu bagi mempertahankan kedaulatan negara.



## Negara

Kedaulatan negara perlu dipertahankan demi kemajuan negara.

# YANG DI-PERTUAN AGONG TERAS KEDAUULATAN NEGARA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

(Sumber: Istana Negara)



Video Yang di-Pertuan Agong mengurniakan bekalan makanan kepada pihak media.



## Sinopsis

Institusi Yang di-Pertuan Agong penting dalam pentadbiran negara kita. Unit ini membincangkan institusi Yang di-Pertuan Agong termasuk kedudukan baginda sebagai Ketua Utama Negara, peranan Majlis Raja-Raja dan istiadat pertabalan. Unit ini juga menjelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dan alat-alat kebesaran Yang di-Pertuan Agong serta Raja Permaisuri Agong.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
2. Peranan Majlis Raja-Raja dalam pemilihan Yang di-Pertuan Agong.
3. Istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong.
4. Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.
5. Alat-alat kebesaran Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.



Keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad bersama-sama dengan Raja Permaisuri Agong, Tunku Puan Besar Kurshiah binti Tunku Besar Burhanuddin untuk menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama Parliment Persekutuan Tanah Melayu pada 11 September 1957.  
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Video pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang pertama.



**NILAI TERAS SIVIK**

Respect-menghormati




## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
2. Mengkaji peranan Majlis Raja-Raja dalam pemilihan Yang di-Pertuan Agong.
3. Menerangkan bidang kuasa dan alat-alat kebesaran Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.



## Ketua Utama Negara

Institusi Yang di-Pertuan Agong diwujudkan apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Penubuhan institusi Yang di-Pertuan Agong dibuat semasa Perlembagaan Persekutuan dirangka. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong dinyatakan sebagai Ketua Utama Negara.



Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong memayungi tiga badan kerajaan, iaitu **Badan Perundangan**, **Badan Eksekutif** dan **Badan Kehakiman**.



### Cepat Jawab

Nyatakan tiga badan kerajaan yang dipayungi oleh Yang di-Pertuan Agong.

### Glosari



- Badan Perundangan:** Badan yang menggubal undang-undang negara.
- Badan Eksekutif:** Badan yang melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan.
- Badan Kehakiman:** Badan yang mentadbir keadilan secara saksama.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan melalui sistem penggiliran yang unik antara sembilan orang raja Melayu bagi tempoh lima tahun. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat mengikut Perlembagaan Persekutuan.



- 5 Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah atau ikrar dan menandatangani surat sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.
- 4 Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai keputusan pemilihan jawatan Yang di-Pertuan Agong.
- 3 Surat pengesahan pemilihan Yang di-Pertuan Agong dihantar kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- 2 Majlis Raja-Raja mengisyiharkan nama raja atau sultan yang terpilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.
- 1 Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang raja Melayu dalam Majlis Raja-Raja.

Rajah Kronologi Pemilihan Yang di-Pertuan Agong.


(Sumber: Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja)

Institusi Yang di-Pertuan Agong memainkan peranan yang penting sebagai tonggak perpaduan di negara kita. Kita sebagai rakyat haruslah menghormati dan menyanjungi institusi tersebut.



### AKTIVITI (Peta Alir)

Berdasarkan maklumat tentang kronologi pemilihan Yang di-Pertuan Agong, lengkapkan peta alir ini.



### AKTIVITI PAK-21 Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Yang di-Pertuan Agong ialah tonggak perpaduan dalam negara kita.

1. Lakukan aktiviti ini secara berpasangan.
2. Masa yang diberikan ialah 10 minit.
3. Nyatakan kepentingan menghargai Yang di-Pertuan Agong.
4. Bentangkan hasil dapatan anda.



8.I.I  
K8.I.6

Guru

- Bantu murid memahami kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
- Bimbing murid untuk menerangkan kepentingan menghargai Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak perpaduan.



# Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 bagi menggantikan Durbar. Majlis Raja-Raja dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri. Antara tugas utama Majlis Raja-Raja termasuklah melaksanakan pemilihan Yang di-Pertuan Agong.



Majlis Raja-Raja yang dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri.

(Sumber: Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja)

## Sebelum Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

- Majlis Raja-Raja memperkenankan tarikh Mesyuarat Pemilihan.

## Semasa Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

- Majlis Raja-Raja melaksanakan proses pengundian bagi pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang baru.

## Selepas Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

- Majlis Raja-Raja mengisytiharkan nama Yang di-Pertuan Agong.



## Cepat Jawab

Bilakah Majlis Raja-Raja ditubuhkan?

## TAHUKAH ANDA?



- Pada tahun 1896, Durbar ditubuhkan dan disertai oleh empat orang raja dari Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (Negeri-negeri Melayu Bersekutu).
- Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja mengurus segala urusan Majlis Raja-Raja.





## Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dimasyhurkan dalam majlis istiadat pertabalan yang penuh gemilang di Istana Negara.

**1**

Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.



**2**

Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan yang disembahkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

**3**

Perdana Menteri membacakan **Watikah Pengisytiharan** di hadapan Yang di-Pertuan Agong pada majlis istiadat pertabalan.



**4**

Yang di-Pertuan Agong mengucup Keris Kerajaan sebagai Ketua Utama Negara pada majlis istiadat pertabalan.



**5**

Yang di-Pertuan Agong melafazkan ikrar untuk menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama pada majlis istiadat pertabalan.



Kedaulatan Yang di-Pertuan Agong jelas tergambar dalam istiadat pertabalan yang dilaksanakan. Kita harus menghargai keutuhan institusi Yang di-Pertuan Agong di negara kita.

(Sumber: Istana Negara dan Jabatan Penerangan Malaysia)



Video pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16.



### TAHUKAH ANDA?

Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan terlebih dahulu sebelum majlis istiadat pertabalan.

### Glosari

**Watikah:** Surat tauliah atau surat kuasa.

8.1.3



Bantu murid memahami istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong.



# Bidang Kuasa Yang di-Pertuan Agong

Negara kita mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan. Yang di-Pertuan Agong menjalankan pemerintahan kerajaan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Utama Negara, bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong merangkumi perundangan, eksekutif dan kehakiman.



Yang di-Pertuan Agong ialah ketua agama Islam bagi negeri baginda dan negeri-negeri tidak beraja, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan.



Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri dan anggota kabinet Malaysia.



Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera.



Yang di-Pertuan Agong memelihara kepentingan sah kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia.



Yang di-Pertuan Agong merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.




## Cepat Jawab

Nyatakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

## Glosari

**Bumiputera:** Penduduk asli.



Yang di-Pertuan Agong **memperkenankan** Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Parlimen.



Yang di-Pertuan Agong mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat.

Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk memanggil, memberhentikan dan membubarkan Parlimen.



### TAHUKAH ANDA?

- Rang Undang-Undang disediakan oleh menteri dan dibahaskan di Parlimen. Setelah diluluskan, Yang di-Pertuan Agong memberikan perkenan dan menurunkan Mohor Besar Persekutuan.

(Sumber: Istana Negara, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia)

Berdasarkan bidang kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong melaksanakan tugas dengan adil dan saksama.

### Glosari

**Memperkenankan:** Izin atau persetujuan yang diberikan oleh raja atau sesuatu pihak supaya arahan atau penguatkuasaan sesuatu undang-undang dapat dilaksanakan.



### AKTIVITI PAK-21 Kajian Gambar (Visual Study)

1. Bentukkan kumpulan.
2. Teliti gambar di sebelah dan nyatakan perasaan anda apabila melihat gambar tersebut.
3. Jelaskan kepentingan mengekalkan institusi Yang di-Pertuan Agong dengan menggunakan pelbagai sumber.
4. Bentangkan hasil dapatan.





# Alat Kebesaran Yang di-Pertuan Agong

Sebagai lambang kedaulatan negara, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong mempunyai simbol keunikan tersendiri. Keunikan tersebut dapat dilihat melalui pakaian kebesaran diraja dan alat kebesaran diraja yang digunakan sewaktu istiadat pertabalan, hari ulang tahun keputeraan rasmi, perasmian pembukaan parlimen dan istiadat tertentu.

## Pakaian Kebesaran Diraja

### Tengkolok Diraja

- ❖ Tengkolok diraja berwarna hitam dan bersulamkan benang emas.
- ❖ Soleknya dinamakan “Dendam Tak Sudah”.



### Keris Pendek Diraja

- ❖ Mata keris lama digunakan untuk menempa keris ini.
- ❖ Sarung keris diperbuat daripada gading yang bertatahkan emas.

### TAHUKAH ANDA?



- Solek bermaksud ikatan pada tengkolok.
- “Dendam Tak Sudah” bermaksud perjuangan raja-raja Melayu untuk memelihara kedaulatan negara.



## Pending Diraja

- ❖ Pending diraja diperbuat daripada emas sepuluh mutu dan bertatahkan permata delima.
- ❖ Pending dijadikan hiasan pada tali pinggang atau bengkung.



## Muskat

- ❖ Muskat ialah pakaian rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- ❖ Muskat diperbuat daripada benang bulu berwarna hitam dan disulami dengan benang emas.



## Kalung Diraja

- ❖ Kalung diraja diperbuat daripada emas putih dan bertatahkan permata berlian.
- ❖ Kalung dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

## Gandik Diraja (Pemeles)

- ❖ Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong memakai gandik diraja sewaktu istiadat pertabalan dan istiadat kebesaran diraja.
- ❖ Gandik diraja diperbuat daripada emas putih dan bertatahkan permata berlian.



## Alat Kebesaran Diraja



### Keris Panjang Diraja

- ❖ Mata keris ditempa dengan besi waja yang diambil dari sembilan buah negeri-negeri Melayu yang mempunyai raja.
- ❖ Hulu keris hingga ke sarungnya disalutti emas.



### Cogan Alam

- ❖ Cogan Alam diperbuat daripada perak.
- ❖ Di sekeliling bulatan terdapat lambang 11 buah negeri Persekutuan Tanah Melayu.



### Cogan Agama

- ❖ Cogan Agama diperbuat daripada perak dan berhulu besar.
- ❖ Ayat-ayat suci al-Quran diterapkan pada batang dan hulunya.



## Cokmar

- ❖ Cokmar diperbuat daripada perak dan mempunyai kubah di hulunya.
- ❖ Cokmar merupakan alat perang pada zaman dahulu.



## Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu

- ❖ Pada puncak Payung Ubur-ubur Kuning diletakkan anak bulan dan bintang berwarna kuning raja.
- ❖ Tombak Berambu mempunyai mata berlok tiga.



## Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja

- ❖ Ketiga-tiga alat ini merupakan senjata Melayu lama.
- ❖ Keris Panjang dan Sundang Diraja disalutti dengan perak dan berukir pada hulu dan sarungnya.

Kita harus berbangga dengan pakaian kebesaran diraja dan alat kebesaran diraja yang melambangkan keagungan institusi Yang di-Pertuan Agong.



### Cepat Jawab

Namakan dua alat kebesaran diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

8.I.5



### AKTIVITI

Hasilkan pohon bergambar pakaian kebesaran diraja dan alat kebesaran diraja.



## Daulat Tuanku

Seramai 16 orang Yang di-Pertuan Agong telah dipilih secara bergilir sebagai Ketua Utama Negara sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Bersemayamnya baginda di atas takhta kerajaan berjaya membawa kestabilan dalam negara kita hingga kini.

1



Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad  
Ogos 1957 – April 1960  
Negeri Sembilan

2



Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah  
April – September 1960  
Selangor

3



Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail  
September 1960 – September 1965  
Perlis

4



Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin  
September 1965 – September 1970  
Terengganu

5



Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah  
September 1970 – September 1975  
Kedah

6



Almarhum Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim  
September 1975 – Mac 1979  
Kelantan

7



Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar R'iayatuddin Al-Mu'adzam Shah  
April 1979 – April 1984  
Pahang

8



Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail  
April 1984 – April 1989  
Johor



### Cepat Jawab

Nyatakan sultan yang dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.

**9**

Almarhum Sultan Azlan  
Muhibbuddin Shah  
ibni Almarhum Sultan  
Yussuf Izzuddin Shah  
Ghafarullahu-lah  
April 1989 – April 1994  
Perak

**10**

Almarhum Tuanku Ja'afar  
ibni Almarhum Tuanku Abdul  
Rahman  
April 1994 – April 1999  
**Negeri Sembilan**

**11**

Almarhum Sultan Salahuddin  
Abdul Aziz Shah Alhaj ibni  
Almarhum Sultan Hisamuddin  
Alam Shah Alhaj  
April 1999 – November 2001  
**Selangor**

**12**

Tuanku Syed Sirajuddin ibni  
Almarhum Tuanku Syed  
Putra Jamalullail  
Disember 2001 –  
Disember 2006  
**Perlis**

**13**

Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan  
Zainal Abidin ibni Almarhum  
Sultan Mahmud Al-Muktafi  
Billah Shah  
Disember 2006 –  
Disember 2011  
**Terengganu**

**14**

Almarhum Almu'tasimu  
Billahi Muhibbuddin  
Tuanku Alhaj Abdul Halim  
Mu'adzam Shah ibni  
Almarhum Sultan Badlishah  
Disember 2011 –  
Disember 2016  
**Kedah**

**15**

Sultan Muhammad V  
Disember 2016 – Januari 2019  
**Kelantan**

**16**

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin  
Al-Mustafa Billah Shah ibni  
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah  
mulai Januari 2019  
**Pahang**

Apakah  
kepentingan  
taat setia  
kepada raja  
dan negara  
bagi anda?



## AKTIVITI

Dengan menggunakan TMK,  
senaraikan Yang di-Pertuan  
Agong mengikut kronologi  
dalam bentuk kreatif.

8.I.I  
K8.I.8



(Sumber: Laman web rasmi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja)



**JOM BUAT**

## BINGKAI GAMBAR ISTANA NEGARA

### Alatan dan Bahan



gambar Istana Negara



batang  
aiskrim



pita pelekat




reben



pen penanda

### Cara Membuat:

1




Warnakan batang aiskrim secara kreatif.

2



Lekatkan batang aiskrim menjadi bingkai.

3




Lekatkan kad manila di belakang bingkai tersebut.

4



Lekatkan reben di belakang kad manila dengan pita pelekat.

5



Masukkan gambar Istana Negara ke dalam bingkai tersebut.

6



Bingkai gambar Istana Negara yang telah siap.

Bimbing murid untuk membuat bingkai gambar Istana Negara.



### Ketua Utama Negara

- Baginda ialah Ketua Utama Negara.
- Baginda memayungi Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman.

### Majlis Raja-Raja



- Majlis Raja-Raja dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri.
- Majlis Raja-Raja memainkan peranan utama dalam pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

### Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

- Yang di-Pertuan Agong yang dipilih akan dimasyhurkan melalui istiadat pertabalan.
- Baginda melafazkan dan menandatangani surat sumpah memegang jawatan.



### Bidang Kuasa Yang di-Pertuan Agong

- Ketua agama Islam.
- Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera.
- Memelihara kepentingan sah kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia.
- Memanggil, memberhentikan dan membubarkan Parlimen.
- Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.
- Melantik Perdana Menteri dan anggota kabinet Malaysia.
- Memperkenankan Rang Undang-Undang.
- Mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat.

### Alat Kebesaran Yang di-Pertuan Agong

- Alat kebesaran diraja digunakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
- Meliputi pakaian kebesaran diraja dan alat kebesaran diraja.



Unit ini memberikan pemahaman tentang institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak kedaulatan negara. Unit seterusnya akan membincangkan identiti negara, iaitu Jata Negara.



## FIKIR DAN JAWAB

- A. Lengkapkan ayat dengan jawapan yang betul. Kemudian, tulis huruf pertama daripada setiap jawapan dalam kotak yang diberikan.

- 1 Malaysia mengamalkan \_\_\_\_\_ Raja Berperlembagaan.
- 2 \_\_\_\_\_ Yang di-Pertua Negeri turut menganggotai Majlis Raja-Raja.
- 3 Yang di-Pertuan Agong ialah Pemerintah \_\_\_\_\_ Angkatan Tentera Malaysia.
- 4 \_\_\_\_\_ Yang di-Pertuan Agong diwujudkan apabila negara mencapai kemerdekaan.
- 5 Yang di-Pertuan Agong melafazkan ikrar untuk menjalankan pemerintahan yang \_\_\_\_\_ dan saksama.

- B. Tulis nama pakaian kebesaran diraja dan alat kebesaran diraja yang berikut:



## CINTA AKAN NEGARA



Kita harus berbangga kerana mempunyai institusi Yang di-Pertuan Agong yang memayungi negara dengan kebijaksanaan baginda.



(Sumber: Istana Negara)

### Diri

Menghargai institusi Yang di-Pertuan Agong ialah salah satu cara kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab kepada negara.

### Masyarakat

Memberikan taat setia terhadap Yang di-Pertuan Agong dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum.

### Negara

Negara menjadi lebih kukuh dan stabil apabila masyarakat mengamalkan sikap bersatu padu.

